

# LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

# 2022







# ISI KANDUNGAN

## 1.0 PERUTUSAN

YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan	9
YBrs. Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	10

Muka Surat

## 2.0 MAKLUMAT MSWP

2.1 Latar Belakang Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	13
2.2 Visi, Misi Dan Moto MSWP	14
2.3 Objektif Dan Fungsi MSWP	14
2.4 Peranan MSWP	15
2.5 Piagam Pelanggan	16
2.6 Senarai Ahli Majlis MSWP 2021-2022	17
2.7 Senarai Ahli Jawatankuasa Pengurusan MSWP 2021-2022	18
2.8 Carta Organisasi MSWP	19

## 3.0 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

3.1 Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia	23
3.1.1 Fungsi Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia	23
3.1.2 Penjawatan	23
3.1.3 Kursus Dan Latihan	24
3.1.4 Program Dan Aktiviti	25
3.1.5 Mesyuarat Ahli Majlis Dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP	26
3.1.6 Perlaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)	26
3.1.7 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MSWP Tahun 2022	26
3.2 Unit Kewangan	27
3.2.1 Fungsi Utama Unit Kewangan	27
3.2.2 Ringkasan Belanja Mengurus	28



## 4.0 BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI

<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>31</b>
4.1.1 Pegawai Dan Kakitangan	31
<b>4.2 Fungsi Bahagian</b>	<b>33</b>
<b>4.3 Program</b>	<b>33</b>
<b>4.4 Pelaporan Sukan</b>	<b>34</b>

## 5.0 BAHAGIAN BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>93</b>
5.1.1 Pegawai Dan Kakitangan	93
5.1.2 Fungsi Bahagian	94
<b>5.2 Perincian Maklumat Program</b>	<b>94</b>
5.2.1 Program Pelapis Negeri Wilayah Persekutuan	94
5.2.2 Program Bakat Wilayah Persekutuan	97
<b>5.3 Pelaporan Sukan</b>	<b>98</b>

## 6.0 LAPORAN SUKMA XX MSN 2022

<b>6.1 Pengenalan</b>	<b>129</b>
<b>6.2 Kontinjen Wilayah Persekutuan</b>	<b>129</b>
6.2.1 Ketua Kontinjen Wilayah Persekutuan	130
6.2.2 Jawatankuasa Kerja Kontinjen Wilayah Persekutuan	130
6.2.3 Atlet, Jurulatih Dan Pengurus Pasukan	132
<b>6.3 Mesyuarat Penyelarasan Kontinjen Dan Kem WiJUARA</b>	<b>133</b>
<b>6.4 Majlis Penyerahan Bendera</b>	<b>135</b>
<b>6.5 Majlis Perasmian SUKMA</b>	<b>136</b>
<b>6.6 Majlis Menaikkan Bendera Kontinjen</b>	<b>136</b>
<b>6.7 Majlis Makan Malam Rasmi Kontinjen</b>	<b>137</b>
<b>6.8 Majlis Penutup SUKMA</b>	<b>137</b>
<b>6.9 Pencapaian Kontinjen</b>	<b>138</b>
6.9.1 Kedudukan Pingat Mengikut Kontinjen	148
6.9.2 Pencapaian Rekod SUKMA Baru	149
<b>6.10 Majlis Penyerahan Insentif SUKMA</b>	<b>151</b>
<b>6.11 Penutup</b>	<b>152</b>





## 7.0 BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA

7.1 Pengenalan	155
7.2 Pengurusan Elaun Dan Bantuan	155
7.2.1 Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan	155
7.2.2 Pengurusan Elaun Atlet	156
7.2.3 Pengurusan Elaun Jurulatih	156
7.3 Program Dan Acara	157

## 8.0 BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

8.1 Pengenalan	169
8.2 Fungsi Bahagian	169
8.3 Latihan Suaian Fizikal Dan Kecergasan Atlet	169
8.3.1 Bilangan Atlet Yang Menjalani Latihan Suaian Fizikal	169
8.4 Ujian Kecergasan Atlet	171
8.4.1 Bilangan Ujian Kecergasan Mengikut Sukan	171
8.4.2 Tahap Kecergasan Atlet Wilayah Persekutuan	172
8.5 Perkhidmatan Pemulihan Kecederaan Sukan	173
8.5.1 Jumlah Sesi Rawatan Dan Pemulihan Kecederaan Bagi Tahun 2022	173
8.5.2 Rawatan Dan Pemulihan Kecederaan Atlet (SUKMA 2022)	173
8.6 Pusat Latihan Atlet Wilayah Persekutuan	175
8.7 Pendidikan Jurulatih Dan Atlet	175
8.7.1 Pendidikan Anti-Doping Peringkat Wilayah Persekutuan	175
8.7.2 Pengurusan Analisa Prestasi Sukan	176

## 9.0 MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN

9.1 Pengenalan	180
9.1.1 Peranan MSKP	180
9.2 Majlis Sukan Kuala Lumpur Dan Majlis Sukan Putrajaya	181
9.2.1 Senarai Ahli Majlis Sukan Kuala Lumpur Sesi 2020-2022	181
9.2.2 Senarai Ahli Majlis Sukan Putrajaya Sesi 2020-2022	182



<b>9.3 Majlis Sukan Labuan</b>	<b>184</b>
9.3.1 Pengenalan	184
9.3.2 Senarai Ahli Majlis Sukan Labuan Sesi 2020-2022	188
9.3.3 Program Dan Aktiviti	189

## **10.0 BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN SISTEM MAKLUMAT**

---

<b>10.1 Pengenalan</b>	<b>199</b>
<b>10.2 Kerjasama Strategik Dan Perjanjian Persefahaman (MoU)</b>	<b>200</b>
<b>10.3 Liputan Media</b>	<b>201</b>
<b>10.4 Penerbitan MSWP</b>	<b>205</b>
<b>10.5 Sistem Maklumat</b>	<b>205</b>
10.5.1 Pengenalan	205
10.5.2 Aktiviti	205
<b>11.0 Penyata Kewangan 2022</b>	<b>211</b>

**1.0**

# **PERUTUSAN**

**KETUA PENGARAH**  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENGARAH**  
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN







# Penutusan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Perpaduan  
Salam Malaysia MADANI**

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) telah berjaya melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2022.

Seperti yang dimaklumi, sektor sukan negara turut terikat dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menangani penularan wabak COVID-19. Seiring dengan keputusan Kerajaan beralih ke fasa endemik mulai 1 April 2022, maka program dan perancangan sukan telah dapat dilaksanakan dalam keadaan terkawal dan berjaga-jaga.

Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 pada 17-24 September 2022 telah mengembalikan semula semangat para atlet dan pegawai kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) untuk bertanding dalam temasya sukan yang kompetitif pasca era pandemik. Tahniah kepada kontinjen WiPers yang berjaya menduduki tempat ketiga pungutan pingat keseluruhan dengan meraih 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa, serta turut memperbaharui lapan rekod acara sukan pada temasya tersebut.



**“Saya berharap agar MSWP terus bergerak ke hadapan sebagai pemangkin pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak di semua peringkat. Sokongan berterusan dan penglibatan semua pihak amat diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut.”**

**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM**





# Perutusan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dapat mengharungi tahun 2022 dengan cemerlang dan Laporan Tahunan MSWP ini dapat diterbitkan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga MSWP atas usaha dan komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2022 yang saya anggap sebagai titik permulaan kebangkitan semula sektor sukan selepas peralihan pandemik Covid-19 ke fasa endemik.

Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 menyaksikan kontinen Wilayah Persekutuan menduduki tempat ketiga keseluruhan dengan 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa.

Pencapaian keseluruhan sebanyak 189 pingat turut menyaksikan Wilayah Persekutuan muncul sebagai kontinen yang membawa pulang pingat keseluruhan terbanyak dalam edisi tersebut.

Walau bagaimanapun pencapaian pada temasya edisi ke-20 ini menyaksikan hanya 15 jenis sukan iaitu kira-kira 47 peratus sukan sahaja yang menepati sasaran ditetapkan manakala baki 17 jenis sukan yang disertai gagal mencapai sasaran awal.

Hakikatnya, masih banyak perkara yang perlu diperbaiki kontinen Wilayah Persekutuan yang menduduki tempat ketiga di belakang juara keseluruhan yang baharu, Johor dan naib juara, Terengganu terutama sekali dalam persiapan menghadapi SUKMA akan datang.

Saya yakin MSWP akan terus cemerlang dan melakar lebih banyak kejayaan yang membanggakan terutama sekali dalam menghadapi SUKMA akan datang di Sarawak.

**“Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan yang memberikan kerjasama dan komitmen dalam memastikan kelancaran aktiviti dan program sepanjang tahun 2022. “**

Sekian, terima kasih






# **2.0** **MAKLUMAT** **MSWP**





## 2.0

### MAKLUMAT MSWP



#### 2.1 LATAR BELAKANG MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN


Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) ditubuhkan pada tahun 1979 di bawah Akta Majlis Sukan Negara 1971 (Akta 29) yang pada awalnya dikenali sebagai Majlis Sukan Kuala Lumpur. MSWP telah diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa pada 1 April 2012 selaras dengan Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 2006.

MSWP bertindak sebagai badan induk yang menyelaras pembangunan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. MSWP juga bertanggungjawab dalam

pelaksanaan program pembangunan sukan, pengurusan kemudahan sukan, program latihan, penganjuran dan penyertaan kejohanan sukan serta menjadi urus setia bagi kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA).

MSWP turut berfungsi sebagai badan penyelaras bagi sukan teras dan sukan pilihan yang dipertandingkan di peringkat SUKMA, Sukan SEA, Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Selain itu, MSWP juga membantu pembangunan sukan di peringkat akar umbi melalui pelaksanaan program-program berkaitan Sukan Massa dan Sukan Paralimpik.





## 2.2 VISI, MISI DAN MOTO MSWP



## 2.3 OBJEKTIF DAN FUNGSI MSWP

### OBJEKTIF MSWP

- 1** Melahirkan atlet Wilayah Persekutuan yang bertaraf Kebangsaan dan Antarabangsa.
- 2** Memastikan Kontinjen Wilayah Persekutuan mencapai kedudukan terbaik di SUKMA.
- 3** Memastikan Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan ditadbir urus dengan baik.
- 4** Melahirkan jurulatih dan pegawai sukan yang bertauliah.
- 5** Memastikan pelaksanaan program pembangunan sukan prestasi tinggi yang sistematik berteraskan sains sukan.
- 6** Memastikan pengurusan kemudahan sukan di Wilayah Persekutuan dilaksanakan dengan berkesan.
- 7** Memastikan kemajuan sukan secara menyeluruh di semua peringkat di Wilayah Persekutuan.





## FUNGSI MSWP

Menumpukan kepada pembangunan sukan dengan memberi penekanan terhadap empat perkara utama:

### ATLET

Berkemahiran serta mempunyai kemantapan dan ketahanan dari aspek fizikal. Pembentukan sikap para atlet berdasarkan pembangunan modal insan yang lebih tertumpu kepada persiapan mental, spiritual dan sosial (pembentukan peribadi).

### INFRASTRUKTUR

Menyediakan pusat latihan negeri yang lengkap dengan kemudahan latihan seperti peralatan bagi memastikan program pembangunan sukan berprestasi tinggi dapat dilaksanakan dengan baik ke arah Wilayah Persekutuan yang gemilang.

### PERSATUAN SUKAN

Mengadakan kursus/seminar yang berkaitan dengan ilmu kejurulatihan dan sains sukan bagi menambah bilangan jurulatih yang bertauliah serta berkelayakan dalam membantu meningkatkan prestasi para atlet.

### PENGURUSAN SUKAN

Meningkatkan kecekapan pengurusan setiap persatuan sukan dengan menganjurkan kursus serta seminar yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran persatuan.



## PERANAN MSWP

Sebagai agensi peneraju sukan di Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan melaksanakan peranan utama seperti berikut:

Melahirkan lebih ramai atlet SUKMA dan BAKAT melalui program yang tersusun dan terancang.

Menguruskan program pembangunan atlet untuk dilaksanakan secara bersistematik dan berstruktur dengan kerjasama semua pemegang taruh.


Menyelaras semua perkhidmatan sokongan dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kejurulatihan, sains sukan, kemudahan latihan, kebijakan atlet dan tadbir urus di peringkat pembangunan sukan prestasi tinggi.

Menyelaras pengurusan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.


Memastikan persatuan-persatuan dan kelab di peringkat Wilayah Persekutuan berkeupayaan menguruskan program latihan dengan berkesan.

Menyelaras penganjuran acara sukan berprestasi tinggi dalam menyokong program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.





## 2.5 PIAGAM PELANGGAN





## SENARAI AHLI MAJLIS MSWP 2021 - 2022

### PENGERUSI

YBhg. Datuk Ramlan Bin Haji Shahean @ Askolani



### TIMBALAN PENGERUSI 1

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohammad Nor Bin Abd Rahim



### TIMBALAN PENGERUSI 1

YBhg. Dr. Hasnul Faizal Bin Hushin Amri



### SETIAUSAHA

YBrs. Dr. Ahmad Naim Bin Ismail



### PENGERUSI MAJLIS SUKAN KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi Bin Che Ngah



### PRESIDEN PERSATUAN ANGKAT BERAT PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi Bin Che Ngah



### KESATUAN RAGBI MALAYSIA

YBrs. Dr. Ahmad Naim Bin Ismail



### KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

YBrs. Dr. Pekan Bin Ramli



### NAIB PRESIDEN PERSATUAN WUSHU WP KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Lim Hong Shuan



### NAIB PRESIDEN PERSATUAN GIMNASTIK WP KUALA LUMPUR

Puan Petrina Low Lai Hun



### KETUA PEMUDA MIC WILAYAH PERSEKUTUAN

Encik S. Arumugam A/L K. Sundra Raja



### KETUA PEMUDA UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN

Encik Mohamed Nizham Bin Abdullah Hamidi



### PENGURUS PASUKAN TINJU WILAYAH PERSEKUTUAN

YBrs. Dr. Alan Raman





## SENARAI AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN MSWP 2021 - 2022

**PENGERUSI**

YBhg. Datuk Ramlan Bin Haji Shaheen @ Askolani

**TIMBALAN PENGERUSI 1**

YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar

**TIMBALAN PENGERUSI 1**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohammad Nor Bin Abd Rahim

**SETIAUSAHA**

YBrs. Dr. Hasnul Faizal Bin Hushin Amri

**PENGERUSI MAJLIS SUKAN KUALA LUMPUR**

YBhg. Datuk Haji Mahadi Bin Che Ngah

**PRESIDEN PERSATUAN ANGAKT BERAT PUTRAJAYA**

YBhg. Datuk Mohd Nasir Bin Ali

**KESATUAN RAGBI MALAYSIA**

YBrs. Dr. Ahmad Naim Bin Ismail

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

YBrs. Dr. Pekan Bin Ramli

**KETUA PEMUDA UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN**


Encik Mohamed Nizham Bin Abdullah Hamidi





# CARTA ORGANISASI

## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN








# **3.0**

# **BAHAGIAN**

# **KHIDMAT**

# **PENGURUSAN**





## 3.0

### BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan daripada segi Pentadbiran Am, Pengurusan Aset, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Perolehan, Keselamatan, Pengurusan Dokumen dan Rekod.

Bahagian ini meliputi dua (2) unit iaitu:

- Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia; dan
- Unit Kewangan

#### 3.1 UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan strategik khususnya tadbir urus MSWP. Selain itu, unit ini berperanan menguruskan hal pelantikan pegawai dan kakitangan, kompetensi kakitangan, aset-aset Jabatan, keselamatan, pengurusan perolehan serta pengurusan kualiti MSWP. Antara objektif unit ini adalah memberi tumpuan kepada:

- Memastikan segala urusan hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia dilaksanakan dengan cekap dan baik berdasarkan peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa;
- Memastikan tatacara perolehan adalah teratur selaras dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

##### 3.1.1 FUNGSI UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA:


- Menguruskan hal ehwal pentadbiran termasuk pengurusan fasiliti dan kelengkapan ruang pejabat di pejabat, pengurusan kontrak seawaan, pengurusan kenderaan serta hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran am Jabatan;
- Menguruskan dan mengemaskini kedudukan aset Jabatan dengan teratur;
- Menguruskan dan mengambil tindakan terhadap aduan awam Jabatan mengikut tempoh yang ditetapkan;
- Urus setia Mesyuarat Ahli Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP;

- Menguruskan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk Jabatan secara menyeluruh melalui proses merancang, melaksana, memantau dan mengawal;
- Mengeluarkan Pesanan Tempatan bagi bekalan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh MSWP;
- Merancang dan menguruskan pengisian kekosongan jawatan, pelantikan dan peletakan jawatan pegawai MSWP;
- Menguruskan urusan dalam perkhidmatan pegawai MSWP termasuk semua jenis cuti, penanggungan kerja, permohonan persaraan wajib/pilihan dan lain-lain;
- Melaksanakan urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan MSWP;
- Melaksanakan urusan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) serta bertindak sebagai urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM); dan
- Merancang dan menyelaras Program Latihan Tahunan MSWP meliputi latihan anjuran dalam dan luar MSWP.

##### 3.1.2 PENJAWATAN

Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan perjawatan MSWP adalah sebanyak 47 perjawatan yang mana 27 perjawatan adalah Lantikan Tetap, 14 adalah Lantikan Kontrak (Contract of Service) dan 5 Lantikan Kontrak (Contract for Service). Butiran perjawatan adalah seperti berikut:





BIL	JAWATAN	GRED	TETAP	KONTRAK	PENGISIAN	PERATUSAN PENGISIAN %
<b>i. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>						
	PENGARAH	54 (TERBUKA)	1	0	1	100.00
	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S48	1	0	1	100.00
	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S44	2	0	2	100.00
	PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S41	2	1	3	100.00
	PEGAWAI PENERANGAN	S41	0	1	1	100.00
<b>JUMLAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			<b>6</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>100.00</b>
<b>ii. KUMPULAN PELAKSANA</b>						
	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S32	2	0	2	100.00
	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29	2	12	14	100.00
	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N36	1	0	1	100.00
	PENOLONG AKAUNTAN	W29/32	1	0	1	100.00
	PENOLONG AKAUNTAN	W29/32	2	0	2	100.00
	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	0	1	1	100.00
	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT	N19/N22/N29/N30	1	0	1	100.00
	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N22	2	0	2	100.00
	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N19/N22	6	1	7	100.00
	PEMBANTU OPERASI	N11/N14	2	0	2	100.00
	PEMANDU KENDERAAN	H11/H14	2	2	4	100.00
	PEMBANTU AWAM	H11	2	2	2	100.00
<b>JUMLAH KUMPULAN PELAKSANA</b>			<b>21</b>	<b>18</b>	<b>39</b>	<b>100.00</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>27</b>	<b>20</b>	<b>47</b>	<b>100.00</b>


### 3.1.3 KURSUS DAN LATIHAN

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi perkhidmatan awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua anggota perkhidmatan awam seperti yang digariskan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 “Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam” (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, kursus/latihanyang dirancang dibawah Pelan Operasi Latihan 2021 yang telah dipersetujui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) MSWP tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai MSWP menghadiri sekurang-kurangnya tiga hari (3) berkursus.

### BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN DAN TAKWIM MSWP TAHUN 2023 SERTA LAWATAN PENANDA ARAS (BENCHMARKING VISIT) MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP) KE MAJLIS SUKAN JOHOR

Tarikh : 11 hingga 13 Disember 2022  
 Tempat : Pinetree Marina Resort, Johor Bahru  
 Penyertaan : 42 orang melibatkan pegawai MSWP





arah memastikan pengurusan MSWP berada pada landasan yang tepat serta berlandaskan prinsip *Good Governance*.



### 3.1.4 PROGRAM DAN AKTIVITI

Pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 oleh Bahagian Khidmat Pengurusan seperti berikut:

#### PERHIMPUNAN BULANAN DAN HARI PENGUKUHAN ORGANISASI 2022

Tarikh : 25 Julai 2022  
Tempat : Taman Wetland, Putrajaya  
Penyertaan : 55 Orang Pegawai MSWP

Program ini diadakan bagi tujuan menjadi medium interaksi antara Pengarah dan semua pegawai serta kakitangan MSWP. Kesempatan ini memberi ruang kepada Pengarah menjelaskan hala tuju MSWP ke



### **3.1.5 MESYUARAT AHLI MAJLIS DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN MSWP**

Mesyuarat Ahli Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan MSWP telah diadakan sebanyak enam kali. Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan diadakan pada:

- i. Tarikh : 31 Mac 2022  
Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP  
Mesyuarat: Bil. 1/2022
- ii. Tarikh : Secara Edaran  
Mesyuarat: Bil. 2/2022
- iii. Tarikh : 14 Julai 2022  
Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP  
Mesyuarat: Bil. 3/2022
- iv. Tarikh : 16 November 2022  
Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal, MSWP  
Mesyuarat: Bil. 4/2022

Mesyuarat Ahli Majlis pula diadakan pada:

- v. Tarikh : 31 Mac 2022  
Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal  
Mesyuarat: Bil. 1/2022
- vi. Tarikh : 14 Julai 2022  
Tempat : Bilik Mesyuarat Ahmad Phesal  
Mesyuarat: Bil. 2/2022



### **3.1.6 PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

Bahagian Khidmat Pengurusan telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2021. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Submodul Rekod Peribadi: 100%
- ii. Submodul Profil Perkhidmatan: 100%
- iii. Submodul Perisyntiharhan Harta: 100%
- iv. Submodul Sasaran Kerja Tahunan (SKT): 100%

### **3.1.7 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MSWP TAHUN 2022**

Seramai tiga (3) pegawai dan kakitangan MSWP telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2021 yang dilaksanakan pada 17 Mac 2022. Penerima adalah seperti berikut:

1. Encik Zuflizan Bin Othman – Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29
2. Puan Nur Syamimi Aida Binti Abdul Rahman – Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19
3. Encik Muhammad Azrul Effendi Bin Abas – Pembantu Operasi Gred N11





### 3.2 UNIT KEWANGAN

Unit Kewangan merupakan sebuah unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun di MSWP. Unit ini berfungsi menguruskan Belanjawan, Waran Peruntukan, Pesanan Kerajaan, Pembayaran Bil dan Tuntutan, Pengurusan Gaji, Pengurusan Pinjaman Kakitangan, Pungutan Hasil dan Terimaan Bukan Hasil di MSWP mengikut Arahan dan Pekeliling yang berkuat kuasa.

Antara objektif unit ini adalah:

- Memastikan sistem kewangan lebih efisien dan sistematik;
- Mempunyai sistem kewangan yang terkini selaras dengan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan mengikut piawaian yang ditetapkan;
- Menguruskan dan mentadbir sistem kewangan yang teratur; dan
- Mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang berkualiti.

#### 3.2.1 FUNGSI UTAMA UNIT KEWANGAN

- Mengendalikan urusan perakaunan dan kewangan;

- Menyediakan Anggaran Belanjawan tahunan;
- Menguruskan urusan Audit dari Audit Dalaman dan Audit Negara;
- Bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan Jabatan;
- Menguruskan pembayaran gaji dan ganjaran kakitangan Jabatan;
- Mengurus terimaan/hasil dan akaun belum terima;
- Menyelenggara buku tunai;
- Menyelenggara buku vot;
- Mengurus dan menyelia rekod-rekod kewangan;
- Mengurus dan menyedia laporan bulanan, suku tahun dan tahunan;
- Mengendalikan Akaun Tabung Sukan MSWP; dan
- Memberikan khidmat nasihat dan pandangan berkenaan peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa.



### **3.2.2 RINGKASAN BELANJA MENGURUS**


<b>TAHUN 2022</b>	
<b>BELANJA MENGURUS</b>	<b>RM</b>
Program Penyediaan & Pembangunan Atlet	11,099,104.60
Emolumen	2,332,001.00
Perbelanjaan Pentadbiran	590,824.55
Perbelanjaan Kewangan	533,627.14
Komunikasi Korporat Dan Sistem Maklumat	123,375.80
Fasiliti dan Sains Sukan	32,445.00
Pengurusan Aset Tetap	133,926.00
Perbelanjaan SUKMA	2,670,405.90
<b>JUMLAH</b>	<b>17,515,709.99</b>



**4.0**

# **BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI**







## 4.0

### BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI

#### 4.1 PENGENALAN

Bahagian Sukan Prestasi Tinggi Wilayah Persekutuan berperanan sebagai sebuah bahagian yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program persediaan atlet berprestasi tinggi bagi mewakili Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA).

Atlet-atlet prospek berumur bawah 21 tahun hasil daripada program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan (BSW) akan diserap masuk ke bahagian ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi atlet pada peringkat yang lebih


tinggi. Antara kelebihan bagi atlet yang berada di dalam program ini adalah mereka akan dilatih oleh jurulatih yang berkualiti dan berkelayakan. Mereka juga berpeluang untuk menyertai kejohanan-kejohanan yang lebih kompetitif dalam negara maupun luar negara.

#### 4.1.1 PEGAWAI DAN KAKITANGAN

Bahagian Sukan Prestasi Tinggi mempunyai seramai 10 orang kakitangan yang menggalas tanggungjawab dan melaksanakan program-program yang dirancang.

Bil	Nama	Jawatan
1.	En. Fadzlan Naim Bin Anuar	Ketua Bahagian
2.	En. Yasseruddin Bin Hamidan	Penyelaras Sukan : Badminton
3.	En. Khairul Azli Bin Kamarul Adnan	Bola Sepak Penyelaras Sukan : Boling Padang
4.	En. Muhamad Khudhoiri Bin Bonari	Kanu Pelayaran E-Sports Ragbi Penyelaras Sukan : Memanah
5.	En. Muhammad Syafiq Bin Shaharudin	Wushu Tenis Pencak Silat Bola Jaring Penyelaras Sukan : Gimrama
		Gimnastik Skuasy Bola Tampar





6. En. Muhammad Hisham Bin Damiri	Penyelaras Sukan : Hoki Menembak Kriket Sepak Takraw
7. En. Muhammad Hafiz Bin Jamil Khair	Penyelaras Sukan : Akuatik - Renang Akuatik - Terjun Tenpin Bowling Judo Angkat Berat
8. En. Akmal Syarifuddin Bin Ahmad	Penyelaras Sukan : Olahraga Karate Petanque Muay

### ATLET DAN SUKAN

Seramai 647 orang atlet daripada 33 jenis sukan telah terpilih menyertai program persediaan atlet bagi mewakili Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)

Bil.	Sukan	Atlet	
		Lelaki	Wanita
1	Badminton	6	6
2	Berbasikal	22	4
3	Bola Keranjang	18	18
4	Bola Sepak	30	0
5	Boling Padang	8	8
6	Golf	4	3
7	Hoki	18	18
8	Kriket	14	0
9	Menembak	17	11
10	Sepaktakraw	12	8
11	Tinju	14	0
12	Angkat Berat	9	1
13	Bola Jaring	0	12
14	Bola Tampar	16	16
15	E-Sports	25	1
16	Gimnastik	0	6
17	Gimrama	0	10





18	Judo	8	8
19	Kanu	15	17
20	Karate	9	5
21	Memanah	8	8
22	Muay	11	7
23	Olahraga	23	15
24	Pelayaran	3	1
25	Pencak Silat	18	14
26	Petanque	7	7
27	Ragbi	18	18
28	Renang	15	15
29	Skuasy	6	6
30	Tenis	6	6
31	Tenpin Bowling	5	5
32	Terjun	4	7
33	Wushu	11	6
Jumlah		380	267
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>647</b>

#### **4.2 FUNGSI BAHAGIAN SUKAN PRESTASI TINGGI**

Bahagian ini bertanggungjawab kepada pencapaian Teras satu (1) dalam Pelan Strategik MSWP (2019 – 2023) iaitu “Mempertingkat Prestasi Atlet Ke Tahap Cemerlang”. Unit ini telah merangka dua (2) strategi utama bagi memastikan teras ini tercapai:

- i. Menyelia dan menyelaras elauan Latihan atlet SUKMA di dalam program MSWP
- ii. Menyelia dan menyelaras elauan jurulatih SUKMA di dalam program MSWP
- iii. Menyelaras pelaporan persatuan sukan bagi bantuan pentadbiran
- iv. Menyelaras Bantuan Makanan Tambahan
- v. Menyelaras pengagihan bantuan pakaian latihan
- vi. Menyelaras bantuan peralatan dan pakaian pertandingan
- vii. Menyelaras pemantauan kejohanan dalam negara
- viii. Menyelaras pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan
- ix. Menyelaras pelaksanaan pemantauan sukan

- x. Menyelaras pelaksanaan pemantauan Program GSC
- xi. Menyelaras pelaksanaan sewaan pusat latihan

#### **4.3 PROGRAM**

Beberapa program latihan telah dirangka sebagai persiapan Kontinen Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA). MSWP telah meletakkan sasaran untuk berada di kedudukan Ke-3 terbaik keseluruhan. Antara program yang dirangka adalah :



Program WijUARA ini telah bermula pada tahun 2018 melalui beberapa siri pemilihan atlet yang telah dijalankan. Ia bagaimanapun hanya membabitkan sukan-sukan yang dipertandingkan di SUKMA sahaja. Seramai 647 orang atlet dan 95 orang jurulatih telah terpilih menyertai program ini.





Sebanyak 45 buah pusat latihan disediakan di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi menampung keperluan atlet. Program ini mempunyai 3 fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 (Januari - Jun), Fasa 2 (Julai - Disember) dan Fasa 3 (Januari - Jun).

Atlet-atlet yang terlibat di dalam program ini akan menjalani latihan secara spesifik selain diberi pendedahan kejohanan dalam dan luar negara. Selain itu, para atlet turut menerima beberapa faedah seperti elaua, pakaian latihan dan kejohanan, peralatan latihan, insurans serta sokongan Sains Sukan.

### **1. GOLDEN SPORTS COLLABRATION (GSC)**

Program GSC ini merupakan program khas yang dirancang bersama persatuan sukan bagi menghantar atlet-atlet menyertai latihan dan kejohanan ke luar negara. Walau bagaimanapun program ini adalah dihadkan kepada sukan dan atlet yang berpotensi menyumbang pingat di temasya SUKMA sahaja.

Program ini merupakan platform bagi para atlet menimba pengalaman selain dapat mempertingkatkan prestasi apabila berpeluang untuk menjalani latihan dan menyertai kejohanan lebih kompetitif bersama pasukan yang bertaraf

antarabangsa. Selain itu, atlet juga dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta mempelajari pendekatan baru yang diperaktikkan oleh pasukan luar negara.

Bagi tahun 2022 sebanyak 5 program GSC telah dilaksanakan melibatkan sukan Kanu (Hungary), Karate (Thailand), Muay (UAE), Renang (Peru & Hungary).

### **2. KEM LATIHAN ATLET SUKMA (KLAS)**

Program KLAS merupakan program persediaan atlet di dalam fasa terakhir persiapan menjelang penyertaan ke SUKMA Kontinjen Wilayah Persekutuan. Selain daripada program latihan dan simulasi pertandingan, semangat kenegerian juga turut diterapkan di dalam program ini agar Kontinjen Wilayah Persekutuan dibentuk menjadi sebuah kontinjen yang digeruni. Ia juga dijadikan sebagai platform penanda aras prestasi semasa atlet-atlet Wilayah Persekutuan. Kebiasaannya ia dilaksanakan secara berfasa mengikut jenis sukan SUKMA.

Program KLAS pada tahun ini dilaksanakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, secara berfasa iaitu sebanyak 3 Fasa seperti berikut :

Fasa	Tarikh	Sukan
Fasa 1	13 - 19 Mei 2023	Memanah, Olahraga, Petanque, Bola Tampar, Angkat Berat
Fasa 2	23 - 29 Mei 2023	Sepaktakraw, Renang, Tenpin Bowling, Judo, Ragbi, Skuasy, Kriket
Fasa 3	3 - 9 Jun 2023	Tinju, Berbasikal, Golf, Pencak Silat, Tenis, Kanu

### **4.4 PELAPORAN SUKAN**

Beberapa program dan aktiviti telah dilaksanakan dalam tahun 2022. Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti pemilihan atlet, kejohanan, mesyuarat JKK sukan, klinik sukan dan kem latihan intensif. Rumusan dan ringkasan program setiap sukan adalah seperti yang dilampirkan:

<b>SUKAN PENYELARAS PERSATUAN SUKAN</b>	<b>: AKUATIK RENANG</b> <b>: MUHAMMAD HAFIZ BIN JAMIL KHAIR</b> <b>: PERSATUAN RENANG AMATUR KUALA LUMPUR</b> <b>PERSATUAN AKUATIK LABUAN KELAB RENANG SWIMPUTRA</b>
---	---

### **MAKLUMAT JURULATIH DAN TEMPAT LATIHAN:**

Bil.	Jurulatih	Tempat Latihan
1.	Shazali Bin Salleh	1. Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras 2. Kolam Renang Skyarena, Setapak
2.	Daniel William ak Henry Bego	





### MAKLUMAT ATLET:

Kategori	Lelaki				Wanita				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain	Melayu	Cina	India	Lain	
Atlet	2	13			1	14			30


### KEJOHANAN / PERTANDINGAN DALAM NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Kejohanan 64th <i>Malaysia Open Swimming Championship 2022</i>	Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil	3 - 6 Mac 2022	1. Tempat ke dua dengan 10 emas, 9 perak dan 11 gangsa 2. Rekod baru kejohanan 1,500m freestyle oleh Steve Khiew
2.	57th <i>Malaysia Invitational Age Group (MIAG) Swimming Championship 2022</i>	Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil	2 - 5 Jun 2022	1. Juara keseluruhan dengan pungutan 50 emas, 42 perak dan 33 gangsa 2. 11 daripada 16 rekod baru kejohanan dicatatkan oleh atlet WPKL 3. 70.3% daripada 660 entri merupakan catatan terbaik peribadi
3.	SUKMA XX MSN 2022	Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil	12 - 24 September 2022	11 Emas 11 Perak 3 Gangsa

### KEJOHANAN / PERTANDINGAN LUAR NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Kejohanan 8th FINA <i>World Junior Swimming Championships 2022</i>	Lima, Peru	26 Ogos - 5 September 2022	Perenang WPKL, Jayden Tan mewakili negara ke kejohanan tersebut
2.	Sukan SEA	Vietnam	13 - 20 Mei 2022	Steve Khiew (1 emas, 3 perak dan 1 gangsa, 1 rekod kebangsaan) Bryan Leong (1 rekod kebangsaan) Turut diwakili oleh Sebastian Soon dan Jayden Tan





3.	19th FINA World Championship Budapest 2022	Budapest	18 - 23 Jun 2022	Steve Khiew di tempat ke 15 dunia untuk acara 400m freestyle dengan rekod baru kebangsaan
4.	Sukan Komanwel	Birmingham	28 Julai - 8 Ogos 2022	Perenang WPKL, Steve Khiew dan Bryan Leong mewakili negara di kejohanan tersebut  Steve Khiew di tempat ke 6 acara 400m freestyle
5.	44th South East Asia Age Group Swimming Championships	Kuala Lumpur	17 - 19 Disember 2022	8 daripada 12 pingat emas Malaysia disumbangkan oleh perenang WPKL iaitu Jayden Tan (3), Chong Xin Lin (3) dan Muhammad Dhuha (2)

#### MESUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bil.	Mesyuarat	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat JKK Bil.1/2022	MSWP	12 Januari 2022
2.	Mesyuarat JKK Bil.2/2022	MSWP	15 April 2022
3.	Mesyuarat JKK Bil.3/2022	MSWP	2 Ogos 2022

Sukan akuatik renang telah melaksanakan tugas dengan sangat baik daripada segi pengurusan persatuan, program pembangunan dan juga program prestasi tinggi. Cuma menjadi sedikit kekangan untuk menjalankan program pembangunan bakat baru sukan renang serta persediaan program prestasi tinggi untuk sebagai persediaan ke SUKMA XX, MSN 2022 sedikit terganggu apabila masalah kolam renang di Kompleks Renang Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak, Cheras dihadkan penggunaan serta tidak diselenggara dengan baik oleh pemilik fasiliti berkenaan. Namun MSWP serta PRAKL telah mengambil inisiatif dengan menggunakan kolam renang di Kompleks Sukan Skyarena, Setapak sebagai pusat latihan sementara untuk persediaan ke SUKMA.

Pada SUKMA XX MSN 2022, sukan akuatik renang pada awalnya menyasarkan 6 pingat emas yang pasti dicapai beserta 2 pingat emas tambahan. Namun selepas melihat semula kepada prestasi semasa pihak

lawan serta prestasi semasa perenang WP itu sendiri maka sasaran asal telah berubah kepada 8 pingat emas. Akhirnya atas segala usaha yang telah dicurahkan maka Pasukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan berjaya memperoleh 11 pingat emas, 11 pingat perak dan 3 pingat gangsa.



Pasukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan bergambar bersama TCDM 1





TCDM 1 turut memberikan kata-kata semangat kepada para atlet yang akan bertanding di SUKMA



Bryan Leong merupakan penyumbang pingat emas individu terbanyak Kontinjen Wilayah Persekutuan serta berjaya memecahkan 1 rekod kebangsaan



Sesi latihan di Kolam Renang Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras



Pasukan Akuatik Renang Wilayah Persekutuan bersama TCDM (Operasi)



Atlet renang Wilayah Persekutuan, Steve Khiew telah dipilih sebagai pembawa bendera Wilayah Persekutuan ke SUKMA XX MSN 2022

**SUKAN  
PENYELARAS  
PERSATUAN SUKAN**

**: AKUATIK TERJUN  
: MUHAMMAD HAFIZ BIN JAMIL KHAIR  
: PERSATUAN RENANG AMATUR KUALA LUMPUR**


#### MAKLUMAT JURULATIH DAN TEMPAT LATIHAN:

Bil.	Jurulatih	Tempat Latihan
1.	Yeoh Ken Nee	Kompleks Renang Kuala Lumpur, BTR, Cheras

#### MAKLUMAT ATLET:

Kategori	Lelaki				Wanita				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain	Melayu	Cina	India	Lain	
Atlet	2	2			1	6			11





## KEJOHANAN / PERTANDINGAN DALAM NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	57th MIAG Diving Championship 2022	Pusat Akuatik Tuanku Zara, Ipoh, Perak	22-23 April 2022	3 Emas 3 Perak 1 Gangsa
2.	SUKMA XX MSN 2022	Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil	12-24 September 2022	1 Emas 2 Perak 2 Gangsa

## KEJOHANAN / PERTANDINGAN LUAR NEGARA

Bil	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Sukan SEA	Vietnam	13-20 Mei 2022	Hanis Nazirul Jaya Surya  10 meter platform Synchronised - Gold
2.	Sukan Komanwel	Birmingham	28 Julai-8 Ogos 2022	Hanis Nazirul Jaya Surya  1. 10 meter platform Synchronised - 5th 2. 10 meter platform Individual - 14th

## MESUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bil	Mesuarat	Tempat	Tarikh
1.	Mesuarat JKK Bil.1/2022	MSWP	12 Januari 2022
2.	Mesuarat JKK Bil.2/2022	MSWP	15 April 2022
3.	Mesuarat JKK Bil.3/2022	MSWP	2 Ogos 2022

Sukan akuatik terjun sepatutnya dipertandingkan pada setiap kali SUKMA kerana sukan ini adalah sukan wajib. Namun disebabkan terdapat beberapa negeri yang tidak menjalankan program pembangunan sukan akuatik terjun maka kurang daripada 8 negeri yang mendaftar atlet sukan ini untuk bertanding di SUKMA 2022. Akhirnya MSN membuat ketetapan untuk mengurangkan jumlah penyertaan negeri kepada minimum 6 negeri barulah sukan ini kembali dipertandingkan di SUKMA 2022 tetapi hanya terhad kepada acara lelaki sahaja. Pada SUKMA 2022, sukan akuatik terjun pada awalnya menyasarkan 2 pingat emas daripada acara lelaki dan wanita. Akhirnya sasaran 2 pingat emas telah dikurangkan

kepada 1 pingat emas sahaja apabila hanya acara lelaki dipertandingkan. Akhirnya Pasukan Akuatik Terjun Wilayah Persekutuan berjaya memperoleh 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa.



Atlet menjalani latihan di kolam Kompleks Renang Kuala Lumpur, Cheras





Atlet menjalani latihan di Dry Gym Kompleks Renang Kuala Lumpur, Cheras



Penerjun wanita Wilayah Persekutuan tetap gigih menjalani latihan walaupun acara wanita tidak dipertandingkan



Program pembangunan sukan akuatik terjun turut dijalankan oleh persatuan dengan kerjasama MSWP



Program pembangunan sukan terjun Wilayah Persekutuan merangkumi penerjun lelaki dan juga wanita

**SUKAN  
 PENYELARAS  
 PERSATUAN SUKAN**

**: ANGKAT BERAT  
 : MUHAMMAD HAFIZ BIN JAMIL KHAIR  
 : PERSATUAN ANGKAT BERAT KUALA LUMPUR  
 PERSATUAN ANGKAT BERAT PUTRAJAYA**


#### **MAKLUMAT JURULATIH DAN TEMPAT LATIHAN:**

Bil.	Jurulatih	Tempat Latihan
1.	Matin Guntali	Kompleks Sukan DBKL, Desa Tasik
2.	Elyone Matin	

#### **MAKLUMAT ATLET:**

Kategori	Lelaki				Wanita				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain	Melayu	Cina	India	Lain	
Atlet	8			1	1				10





## KEJOHANAN / PERTANDINGAN DALAM NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Kejohanan Angkat Berat Remaja, Junior dan Senior Kebangsaan 2022	Jasin Melaka	14 - 19 Mac 2022	7 Emas 4 Perak
2.	Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan 2022	Dewan Indian Association, Kuching, Sarawak	26 Jun - 7 Julai 2022	4 Emas 3 Perak 1 Gangsa
3.	SUKMA XX MSN 2022	Dewan Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya	12 - 24 September 2022	4 Emas 2 Gangsa

## KEJOHANAN / PERTANDINGAN LUAR NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Sukan SEA	Vietnam	13 - 20 Mei 2022	Muhammad Erry Hidayat (73kg) - Gangsa
2.	Sukan Komanwel	Birmingham	28 Julai - 8 Ogos 2022	Muhammad Erry Hidayat (73kg) - Perak

## MESUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bil.	Mesyuarat	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat JKK Bil.1/2022	MSWP	11 Januari 2022
2.	Mesyuarat JKK Bil.2/2022	MSWP	14 April 2022
3.	Mesyuarat JKK Bil.3/2022	MSWP	3 Ogos 2022

Sukan angkat berat pada awalnya dikhabarkan tidak dipertandingkan di SUKMA XX MSN 2022 kerana terpalit dengan pelbagai isu terutamanya isu penggunaan bahan terlarang oleh beberapa atlet angkat berat diperingkat negeri dan negara serta telah digugurkan daripada program sukan teras oleh MSN. Namun pihak PABM telah sedaya upaya untuk meyakinkan MSN agar sukan angkat berat dipertandingkan di SUKMA XX MSN 2022 dengan memperkenalkan pelbagai syarat dan inisiatif bagi mengelakkan kejadian penyalahgunaan bahan terlarang oleh para atlet tidak berlaku lagi. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan mengadakan kerjasama dengan pihak ADAMAS, mengadakan kursus anti-doping, mengambil sampel air kencing para atlet untuk diuji secara berkala selain semasa pertandingan dan juga saringan awal sebelum SUKMA XX MSN 2022 berlangsung. Namun masih terdapat jurulatih dan atlet daripada beberapa negeri yang tidak bertanggungjawab masih lagi terbabit dengan isu ini. Akhirnya PABM

mengemukakan cadangan agar penyertaan pasukan daripada negeri-negeri yang terlibat ini dibatalkan namun tidak dipersetujui oleh MSN dan PABM mengambil keputusan untuk menarik diri daripada mengendalikan urusan teknikal SUKMA XX MSN 2022 dan diambil alih oleh pihak MSN sendiri. Walaupun sukan angkat berat berjaya dianjurkan dengan baik sekali pada SUKMA XX MSN 2022 namun masih lagi terdapat beberapa orang atlet daripada negeri-negeri yang terlibat sebelum ini didapati positif akibat penggunaan bahan terlarang.

Namun isu yang melibatkan negeri-negeri lain yang terlibat itu tidak melemahkan semangat Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan dengan melakukan pelbagai usaha untuk mencapai sasaran awal 2 pingat emas. Dengan segala usaha dan percaturan taktikal yang telah dilaksanakan secara bersama MSWP, PABPj, dan PABKL maka Pasukan Angkat Berat Wilayah Persekutuan telah berjaya memperoleh 4 pingat emas dan 2 pingat gangsa pada SUKMA XX MSN 2022.





Program latihan pusat yang diadakan secara tertutup di Kg. Kesang Tua, Jasin, Melaka



Kem latihan pusat ini telah dikendalikan oleh seorang jurulatih daripada Thailand



Sesi psikologi juga diberikan kepada atlet untuk meningkatkan motivasi para atlet menjelang SUKMA XX MSN 2022



Video Performance Analysis juga merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu para atlet untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan teknik angkatan

<b>SUKAN</b>	<b>: BADMINTON</b>
<b>PENYELARAS</b>	<b>: YASSERUDDIN BIN HAMIDAN</b>
<b>PERSATUAN SUKAN : PERSATUAN BADMINTON KUALA LUMPUR</b>	
<b>PERSATUAN BADMINTON PUTRAJAYA</b>	


#### MAKLUMAT JURULATIH DAN TEMPAT LATIHAN:

Bil.	Jurulatih	Tempat Latihan
1.	Celestine George	Pusat Kejiranan P11, Presint 11 Putrajaya

#### MAKLUMAT ATLET:

Kategori	Lelaki				Wanita				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain	Melayu	Cina	India	Lain	
Atlet	1	4		1		6			12





## KEJOHANAN / PERTANDINGAN DALAM NEGARA

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Kejohanan Badminton Petronas Bawah 21 Tahun Kebangsaan Semalam.	Pahang	25 – 29 Mei 2022	1. Perseorangan Lelaki - Justin Hoh – Johan Bergu Lelaki – Fazriq & Bryan – Johan & Naib Johan
2.	<i>PETRONAS Malaysia International Challenge 2022</i>	Malaysia	13 - 18 Disember 2022	Johan - Perseorangan Lelaki

## KEJOHANAN / PERTANDINGAN LUAR NEGARA

### Wong Kha Yan

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	<i>YONEX Bonn International 2022</i>	Jerman	15 – 18 Jun 2022	Peringkat Pusingan (32) -Beregū Campuran
2.	<i>Nantes International Challenge 2022</i>	Perancis	23 – 26 Jun 2022	Tempat Ke-3 Peringkat Kumpulan (16) - Beregu Campuran - Beregu Wanita
	<i>PETRONAS Malaysia International Challenge 2022</i>	Malaysia	13 - 18 Disember 2022	Peringkat Kumpulan (32) - Beregu Wanita

### Tang Wen Xin

Bil.	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	<i>Yonex-Sunrise Vietnam Open 2022</i>	Vietnam	27 September - 2 Oktober 2022	Peringkat Pusingan (32) -Beregū Campuran
2.	<i>MANSION SPORT Malang Indonesia International Challenge 2022</i>	Indonesia	11 – 16 Oktober 2022	Suku Akhir - Beregu Wanita
3.	<i>Indonesia Masters Super 100 2022</i>	Indonesia	18 - 23 Oktober 2022	Peringkat Akhir Kumpulan (16) - Beregu Wanita - Beregu Campuran
4.	<i>Vietnam International Series 2022</i>	Vietnam	1 – 6 November 2022	Peringkat Pusingan (32) - Beregu Wanita - Beregu Campuran





## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bil.	Mesyuarat	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat JKK Badminton Bil 01/22	MSWP	28 Februari 2022
2.	Mesyuarat JKK Badminton Bil 02/22	KLBA	26 April 2022
3.	Mesyuarat JKK Badminton Bil 03/22	PjBA	31 Mei 2022

Bagi menghadapi SUKMA XX MSN 2022, MSWP bersama Persatuan Badminton Kuala Lumpur (KLBA) dan Persatuan Badminton Putrajaya (PjBA) melakukan pemilihan pemain untuk bersama-sama menjalani latihan dengan pemain-pemain yang telah dikenal pasti yang berada di Akademi Badminton Malaysia (ABM). Program pemantapan yang dirangka bersama legenda badminton negara iaitu Dato' Mohamed Razif bin Dato' Haji Mohd Sidek telah berhasil membentuk senarai gabungan pemain-pemain ke SUKMA XX MSN 2022.



Pemenang bergambar bersama



Mengungguli takhta Bawah 21 tahun



Pasangan Bryan Jeremy Goonting sebagai Naib Johan



**SUKAN**  
**PENYELARAS**  
**PERSATUAN SUKAN** : **BERBASIKAL**  
**: MOHD JAUHAR IKHWAN BIN ISMAIL**  
**: PERSATUAN BERBASIKAL PUTRAJAYA**  
**PERSATUAN BERBASIKAL KUALA LUMPUR**

#### MAKLUMAT JURULATIH DAN TEMPAT LATIHAN:

Bil.	Jurulatih	Tempat Latihan
1.	Datuk Ng Joo Ngan	Taman Midah, Kuala Lumpur
2.	Aliff Farhan Bin Abu Samah	
3.	Nor Effandy Bin Rosli	Taman Cabaran, Putrajaya

#### MAKLUMAT ATLET:

Kategori	Lelaki				Wanita				Jumlah
	Melayu	Cina	India	Lain	Melayu	Cina	India	Lain	
Atlet	17	5			3	1			26

#### KEJOHANAN / PERTANDINGAN DALAM NEGARA

Bil	Kejohanan	Tempat	Tarikh	Pencapaian
1.	Kejohanan JCM Trek & Kriterium Siri 1-2022	Velodrom Johor, Johor	7 – 12 Februari 2022	1 Perak (Kejohanan terpaksa dibatalkan pada hari kedua kerana penularan Covid-19 di kalangan jurulatih & atlet)
2.	Kejohanan MTB Kebangsaan 2022	Taman Cabaran, Putrajaya	4 – 6 Mac 2022	- Women Elite (Perak) - Men Elite (Perak)
3.	Kejohanan MTB XCO Kejora Johor 2022	Johor Bahru, Johor	24 – 26 Jun 2022	- Women Elite (Emas) - Men Elite (Gangsa)
4.	Tour Gateh D'tranung	Sekitar Terengganu	19 – 26 Mac 2022	1. Juara keseluruhan berpasukan lelaki 1. Muhammad Firas Aliyan Bin Ismail 2. Muhamad Aniq Akmal Bin Abdul Kareem 3. Chiang Jia Cheng 4. Newjoe Lau 5. Muhammad Iqmal Zarawi 6. Akmal Zaidi
5.	Kejohanan Trek Kebangsaan 2022	Nilai, Negeri Sembilan	24 – 29 Mei 2022	- Team Sprint (Gangsa) - Omnium (Gangsa) - Elimination (Perak)





6.	Kejohanan JCM Trek Siri 2/2022	Nilai, Negeri Sembilan	16 – 19 Jun 2022	- 3km Individu Pursuit (Perak) - Team Sprint (Gangsa) - Omnium Men (Perak) - Team Persuit (Gangsa) - Keirin (Perak)
7.	Kejohanan Kebangsaan Lebuhraya 2022	Seri Iskandar, Perak	23 – 26 Jun 2022	- Ujian Masa Perseorangan Lelaki (Emas)
8.	Kejohanan JCM Stage Race & Kriterium 3/2022	Pulau Langkawi, Kedah	10 – 14 Ogos 2022	- Kriterium Women (Emas) - Kriterium Men (1 Emas, 1 Perak)

### MESUARAT JAWATANKUASA KERJA

Bil.	Mesuarat	Tempat	Tarikh
1.	Mesuarat Jawatankuasa Kerja Bil 1/2022	Bilik Mesuarat Ahmad Phesal, MSWP	24 Februari 2022
2.	Mesuarat Jawatankuasa Kerja Bil 2/2022	Bilik Mesuarat Ahmad Phesal, MSWP	25 Julai 2022

Majlis Penutup SUKMA XX MSN 2022 telah diadakan pada 24 September 2022 jam 8.45 malam bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM Bangi. Majlis yang penuh gilang gemilang ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan serta wakil-wakil daripada Kontinjen-Kontinjen Negeri.

### Pengiktirafan Majlis Penutup SUKMA XX MSN 2022

1. Kontinjen Negeri Johor dinobatkan sebagai Juara keseluruhan SUKMA XX MSN 2022 dengan kutipan 77 pingat emas
2. Atlet Kanu Muhammad Fakhruzzah Mohd Rumaize dan Atlet Renang Tan Rouxin dari Kontinjen Negeri Johor, dinobatkan sebagai Atlet Terbaik SUKMA XX MSN 2022 (Kategori Lelaki & Wanita).





## 6.9 PENCAPAIAN KONTINJEN

Pencapaian Kontinjen Wilayah Persekutuan mengikut jenis sukan seperti berikut:-

### AKUATIK RENANG



Pegawai LO	Muhammad Hafiz Bin Jamil Khair	Jumlah Acara Dipertandingkan	39
Jurulatih	1. Shazali Salleh 2. Daniel William Bego	Jumlah Acara Disertai	39
Pengurus Pasukan	Zulfikry Bin Wahi	Sasaran Pingat Emas	8
Venue	Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, KL	Pencapaian	
Tarikh	19 – 23 September 2022		11 11 8

### AKUATIK TERJUN



Pegawai LO	Muhammad Hafiz Bin Jamil Khair	Jumlah Acara Dipertandingkan	10
Jurulatih	1. Yeoh Ken Nee	Jumlah Acara Disertai	8
Pengurus Pasukan	Siu Wai Leng	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, KL	Pencapaian	
Tarikh	20 – 22 September 2022		1 2 2

### ANGKAT BERAT



Pegawai LO	Muhammad Hafiz Bin Jamil Khair	Jumlah Acara Dipertandingkan	32
Jurulatih	1. Elyone Matin 2. Matin Bin Guntali	Jumlah Acara Disertai	24
Pengurus Pasukan	Jambak Bin Jamal	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya	Pencapaian	
Tarikh	19 – 22 September 2022		4 - 2





## BADMINTON

Pegawai LO	Siti Maryam Binti Mohammad	Jumlah Acara Dipertandingkan	5
Jurulatih	1. Celestine George 2. YBhg. Dato' Mohamad Razif Bin Mohd Sidek	Jumlah Acara Disertai	5
Pengurus Pasukan	Mohd Taupik Bin Haji Hussain	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Axiate Arena Bukit Jalil, KL	Pencapaian	
Tarikh	20 – 24 September 2022		- 1 1



## BERBASIKAL


Pegawai LO	Mohd Jauhar Ikhwan Bin Ismail	Jumlah Acara Dipertandingkan	24
Jurulatih	1. Ng Joo Ngan 2. Nor Effandy Bin Rosli 3. Nuraznisya Bt Alin 4. Muhammad Aliff Farhan Bin Abu Samah	Jumlah Acara Disertai	19
Pengurus Pasukan	Mohd Saiful Bin Abdul Jalil	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	1. Bandar Baru Sendayan, Seremban 2. Arena BMX Nasional, Nilai 3. Velodrom Nasional, Nilai 4. Taman Cabaran, Presint 5 Putrajaya	Pencapaian	
Tarikh	14 – 22 September 2022		- 3 3



## BOLA JARING

Pegawai LO	Muhammad Khudhoiri Bin Bonari	Jumlah Acara Dipertandingkan	1
Jurulatih	1. Norizan Binti Rajab 2. Noorahiza Binti Azami	Jumlah Acara Disertai	1
Pengurus Pasukan	Yatimah Binti Hashim	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Stadium Juara, Bukit Kiara, KL	Pencapaian	
Tarikh	19 – 24 September 2022		1 - -





### BOLA KERANJANG

Pegawai LO	Zabrina Ezura Binti Zakaria	Jumlah Acara Dipertandingkan	4
Jurulatih	1. Khoo Kar Syuen 2. Low Boon Hong 3. Low Chee Mei 4. Paul Daniel Jorda Advincula	Jumlah Acara Disertai	4
Pengurus Pasukan	1. Looi Seng Loong 2. Tang Kong Weng	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Stadium MABA, KL	Pencapaian	
Tarikh	15 – 23 September 2022		- 1 -



### BOLA SEPAK

Pegawai LO	Nik Mohd Fitra Bin Wan Jaffar	Jumlah Acara Dipertandingkan	1
Jurulatih	1. Hafiz Bin Hamid 2. Muhammad Syahmi Syazwan Bin Shaari	Jumlah Acara Disertai	1
Pengurus Pasukan	Kamarudin Bin Hj Hassan	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	1. Stadium UKM 2. Stadium Bola Sepak KL 3. Stadium Arena UM 4. Stadium UiTM Shah Alam 5. Stadium UNITEN	Pencapaian	
Tarikh	12 – 23 September 2022		- - -



### BOLING PADANG

Pegawai LO	Khairul Azli Bin Kamarul Adnan	Jumlah Acara Dipertandingkan	9
Jurulatih	1. Hasan Bin Hussein @ Hussin 2. Aisah Binti Alias	Jumlah Acara Disertai	9
Pengurus Pasukan	1. Roslan Bin Abd Rahman 2. Nur Atiqah Binti Hassan	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Kompleks Sukan Bukit Kiara, KL	Pencapaian	
Tarikh	16 – 24 September 2022		2 - -





### BOLA TAMPAR DEWAN

Pegawai LO	Mohd Zuhairi Bin Sholahuddin	Jumlah Acara Dipertandingkan	2
Jurulatih	1. Noordialis-s Bin Hussein 2. Ong Chun Keong 3. Sing Ming Haur 4. Wong Moon Hooi	Jumlah Acara Disertai	2
Pengurus Pasukan	Lee Han Kee	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	1. Dewan MBSA Seksyen 4, Shah Alam 2. Dewan MBSA Seksyen 19, Shah Alam	Pencapaian	
Tarikh	17 – 23 September 2022		



### BOLA TAMPAR PANTAI


Pegawai LO	Muhammad Syafiq Bin Shaharudin	Jumlah Acara Dipertandingkan	9
Jurulatih	1. Ahmad Fadly Bin Abdul Rahman 2. Mohd Radzi Bin Mohd Rawi	Jumlah Acara Disertai	9
Pengurus Pasukan	Johann Junior Ong	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Gelanggang Bola Tampar Pantai MBSA, Seksyen 19, Shah Alam	Pencapaian	 1 1
Tarikh	18 – 22 September 2022		



### GIMNASTIK

Pegawai LO	Muhammad Syafiq Bin Shaharudin	Jumlah Acara Dipertandingkan	14
Jurulatih	1. Lachezar Kirilov 2. Saiful Razlan Bin Salehud-din 3. Thong Chee Wai 4. Chin Jie Xi	Jumlah Acara Disertai	13
Pengurus Pasukan	Ti Deng Jay	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Gimnasium 3, MSN Bukit Jalil KL	Pencapaian	 1 4 3
Tarikh	17 – 19 September 2022		





## GIMRAMA

Pegawai LO	Muhammad Syafiq Bin Shaharudin	Jumlah Acara Dipertandingkan	7	
Jurulatih	1. Afrita Ariany binti Nasril 2. Tai QinG Tong	Jumlah Acara Disertai	7	
Pengurus Pasukan	Clarissa Lee Ching Ching	Sasaran Pingat Emas	4	
Venue	Gimnasium 1, MSN Bukit Jalil KL	Pencapaian		
Tarikh	21 – 23 September 2022		7    4    -	

## GOLF

Pegawai LO	Sabrina Yasmin Binti Abdul Halim	Jumlah Acara Dipertandingkan	4	
Jurulatih	1. Rajendera a/l Karuppiah 2. Wan Muhammad Adzwan Bin Mohamed	Jumlah Acara Disertai	2	
Pengurus Pasukan	Datuk Ishak Bin Mohd Esa	Sasaran Pingat Emas	2	
Venue	Kelab Golf Negara, Subang Selangor	Pencapaian		
Tarikh	20 – 22 September 2022		2    1    1	

## HOKI

Pegawai LO	Muhammad Hisham Bin Damiri	Jumlah Acara Dipertandingkan	2	
Jurulatih	1. Roshin Nordin 2. Kanagi a/p Arumugam 3. James Murthy a/l Benjamin Murthy 4. Mohd Badrul Hisham Bin Osman	Jumlah Acara Disertai	2	
Pengurus Pasukan	1. YBhg. Dato' Rosal Azimin Bin Ahmad 2. Wan Mohd Azli Bin Wan Ismail	Sasaran Pingat Emas	1	
Venue	Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil	Pencapaian		
Tarikh	15 – 23 September 2022		-    -    1	





## JUDO

Pegawai LO	Mohd Faizal Bin Ishak	Jumlah Acara Dipertandingkan	16
Jurulatih	1. Muhammad Jafaanur Bin Jamaluddin 2. Yeoh Onn Onn	Jumlah Acara Disertai	8
Pengurus Pasukan	Zulkfeli Bin Ismail @ Awang	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Dewan Kompleks Sukan UiTM, Shah Alam	Pencapaian	
Tarikh	20 – 22 September 2022	-	5



## KARATE

Pegawai LO	Anwar Bin Kamarul Bahrin	Jumlah Acara Dipertandingkan	18
Jurulatih	1. Shaharudin Bin Jamaludin 2. Sudhen a/l Sivaguru	Jumlah Acara Disertai	18
Pengurus Pasukan	Vathana a/p Gopalasamy	Sasaran Pingat Emas	3
Venue	Dewan Kompleks Sukan UiTM, Shah Alam	Pencapaian	
Tarikh	15 - 17 September 2022	3 2 4	



## KRIKET

Pegawai LO	Muhammad Hisham Bin Damiri	Jumlah Acara Dipertandingkan	1
Jurulatih	1. Ahmad Salman Bin Othman 2. Neville Cristy Kumara	Jumlah Acara Disertai	1
Pengurus Pasukan	Surendran A/L C. Ramanathan	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	1. Padang UKM Oval 2. Selangor Turf Club	Pencapaian	
Tarikh	15 – 24 September 2022	- 1 -	





## MEMANAH

Pegawai LO	Muhamad Khudhoiri Bin Bonari	Jumlah Acara Dipertandingkan	24	
Jurulatih	1. Atiq Bazil Bin Bakri 2. Liew Tek Wa	Jumlah Acara Disertai	24	
Pengurus Pasukan	Ahmad Fitri Bin Zakaria	Sasaran Pingat Emas	2	
Venue	Stadium USIM, Nilai	Pencapaian		
Tarikh	17 – 22 September 2022		1 - 3	

## MENEMBAK

Pegawai LO	Sabrina Yasmin Binti Abdul Halim	Jumlah Acara Dipertandingkan	26	
Jurulatih	1. Shahrizal Bin Ishak 2. Zamil Bin Ahmad Murad 3. Zulkifli Bin Mohamed	Jumlah Acara Disertai	11	
Pengurus Pasukan	Nik Nor Baizura Binti Sabiamad	Sasaran Pingat Emas	2	
Venue	Lapang Sasar Menembak, Subang Selangor	Pencapaian		
Tarikh	18 – 23 September 2022		2 2 5	

## MUAY

Pegawai LO	Akmal Syarifuddin Bin Ahmad	Jumlah Acara Dipertandingkan	16	
Jurulatih	1. Adiirman Bin Abdul Ghani 2. Mohd Faqueh Bin Mohd Tarmidi 3. Nidal Bin Mahmoud	Jumlah Acara Disertai	13	
Pengurus Pasukan	Ismail Bin Hassan	Sasaran Pingat Emas	4	
Venue	South City Plaza, Sri Kembangan Selangor	Pencapaian		
Tarikh	17 – 21 September 2022		5 3 1	





## OLAHRAGA

Pegawai LO	Akmal Syarifuddin Bin Ahmad	Jumlah Acara Dipertandingkan	45
Jurulatih	1. Khoo Boo Keat 2. Kwong Kar Jun 3. Hisham Mustaza Bin Ibrahim 4. Mohd Farhan Mulyadiy Bin Mohamed 5. Norshamizi Bin Ismail 6. Subramaiam a/l Vellasamy	Jumlah Acara Disertai	22
Pengurus Pasukan	Syamsul Bani Bin Abdullah	Sasaran Pingat Emas	3
Venue	Stadium Nasional Bukit Jalil	Pencapaian	
Tarikh	15 – 18 September 2022		3 1 2



## PELAYARAN

Pegawai LO	Mohd Shaifulnizam Bin Ahmad	Jumlah Acara Dipertandingkan	14
Jurulatih	1. Ahmad Hakhimi Bin Ahmad Shukri 2. Syaiful Amri Bin Abdullah	Jumlah Acara Disertai	4
Pengurus Pasukan	Azurasihidi Bin Yusuf	Sasaran Pingat Emas	0
Venue	Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan, Langkawi	Pencapaian	
Tarikh	18 – 23 September 2022		- - -



## PENCAK SILAT

Pegawai LO	Muhamad Khudhoiri Bin Bonari	Jumlah Acara Dipertandingkan	26
Jurulatih	1. Halim Bin Hamit 2. Hazli Bin Adnan 3. Ahmad Shahrozli Bin Zailudin	Jumlah Acara Disertai	26
Pengurus Pasukan	Tengku Arif Bongsu Bin Tengku Hamid	Sasaran Pingat Emas	3
Venue	Dewan Tuanku Canselor USIM	Pencapaian	
Tarikh	20 – 24 September 2022		3 4 6





## PETANQUE

Pegawai LO	Mohd Faizul Bin Abd Ghaffar	Jumlah Acara Dipertandingkan	11
Jurulatih	1. Ahmad Zulkifle Bin Mohd Zain 2. Mohd Zainuri Bin Abdullah	Jumlah Acara Disertai	11
Pengurus Pasukan	Ramlan Bin Chan	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Arena Petanque Pudu Ulu Kuala Lumpur	Pencapaian	
Tarikh	17 – 23 September 2022		- - 2



## RAGBI

Pegawai LO	Anwar Bin Kamarul Bahrain	Jumlah Acara Dipertandingkan	2
Jurulatih	1. Abdul Rashid Bin Adlie 2. Akram Bin Abdul Halim 3. Jahangur Khan Bin Majith Khan 4. Khairul Azhar Bin Shaarani 5. Mohamad Yusran Bin Mahmud 6. Sukor Bin Ashak	Jumlah Acara Disertai	2
Pengurus Pasukan	1. Shahrul Azni Bin ZainaL Abidin 2. Wan Ibrahim Bin Wan Chik	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	Padang Ragbi UiTM, Shah Alam	Pencapaian	
Tarikh	19 – 22 September 2022		- - -



## SEPAK TAKRAW

Pegawai LO	Mohd Yusof Bin Mohd Noh	Jumlah Acara Dipertandingkan	8
Jurulatih	1. Abidin Bin Ahmad 2. Mohd Masran Bin Ab Rahman 3. Mohd Rashidi Bin Nordin 4. Muhammad Ali Hanapiah Bin Hussain	Jumlah Acara Disertai	8
Pengurus Pasukan	1. Mohd Zambri Hj Abd Rahman 2. Mohamed Norhisham Bin Zairi	Sasaran Pingat Emas	0
Venue	Dewan Sri Saujana UNITEN	Pencapaian	
Tarikh	14 – 22 September 2022		- - -





### SKUASY

Pegawai LO	Amirul Aqmal Bin Lokman Hakim Lau	Jumlah Acara Dipertandingkan	4
Jurulatih	1. Ryan Neville Pasqual 2. Sanjay Singh Chal	Jumlah Acara Disertai	4
Pengurus Pasukan	Zahrah Binti Md Yusof	Sasaran Pingat Emas	1
Venue	1. Pusat Skuasy Nasional Bukit Jalil 2. Pusat Skuasy Jalan Duta	Pencapaian	 1 - 1
Tarikh	17 – 23 September 2022		



### TENPIN BOLING


Pegawai LO	Zuflizan Othman	Jumlah Acara Dipertandingkan	11
Jurulatih	1. Dzulkarnain Bin Sapian 2. Alisha Iman Cheong Binti Abdullah	Jumlah Acara Disertai	11
Pengurus Pasukan	Yusof Abdul Raof	Sasaran Pingat Emas	3
Venue	Ampang Superbowl Ipoh Parade Ipoh	Pencapaian	 1 3 3
Tarikh	13 – 21 September 2022		



### TINJU

Pegawai LO	Mohd Jauhar Ikhwan Bin Ismail	Jumlah Acara Dipertandingkan	9
Jurulatih	1. Adli Hafidz Bin Mohd Fauzi 2. Mohd Hafiz Arqam Bin Makhtar 3. Muhamad Fariz Izhr Bin Adrus	Jumlah Acara Disertai	7
Pengurus Pasukan	Syed Alliff Bin Syed NOH	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya	Pencapaian	 - 3 2
Tarikh	17 – 24 September 2022		





## WUSHU



Pegawai LO	Amirul Aqmal Bin Lokman Hakim Lau	Jumlah Acara Dipertandingkan	20
Jurulatih	1. Ching Hoong Iap 2. Alex Loh Oon Teik 3. Loh Jack Chang	Jumlah Acara Disertai	20
Pengurus Pasukan	1. Chong Chung Yee 2. Kao Lih Yaw	Sasaran Pingat Emas	2
Venue	Gimnasium 2, MSN Bukit Jalil	Pencapaian	
Tarikh	14 – 16 September 2022		1    3    3

### 6.9.1 KEDUDUKAN PINGAT MENGIKUT KONTINJEN


Secara keseluruhannya Kontinjen Wilayah Persekutuan berada pada kedudukan ketiga terbaik daripada 15 kontinjen yang menyertai SUKMA XX MSN 2022.

Bil.	KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1.	Johor	77	52	43	172
2.	Terengganu	64	49	56	169
<b>3.</b>	<b>Wilayah Persekutuan</b>	<b>55</b>	<b>69</b>	<b>65</b>	<b>189</b>
4.	Sarawak	32	42	53	127
5.	Selangor	31	55	44	130
6.	Sabah	30	29	39	98
7.	Pulau Pinang	30	28	42	100
8.	Perak	27	28	46	101
9.	Pahang	22	21	27	70
10.	Negeri Sembilan	19	6	28	53
11.	Melaka	17	11	23	51
12.	Kedah	16	17	30	63
13.	Perlis	6	7	10	23
14.	Kelantan	3	8	10	21
15.	Brunei	0	2	2	4
<b>Jumlah</b>		<b>429</b>	<b>423</b>	<b>517</b>	<b>1369</b>





Kontinjen Wilayah Persekutuan masih mengekalkan kedudukan di tempat 5 terbaik di SUKMA XX MSN 2022 dan merupakan pencapaian terbaik dalam penyertaan ke SUKMA.




### 6.9.2 PENCAPAIAN REKOD SUKMA BARU

Sebanyak lapan Rekod SUKMA telah berjaya diperbaharui oleh Kontinjen Wilayah Persekutuan pada SUKMA XX MSN 2022 kali ini.

Rekod SUKMA	
	<b>Sukan</b> Akuatik – Renang Atlet Bryan Leong Xin Ren Acara 100M Kuak Kupu-Kupu (Lelaki) Rekod (Lama) 53.33s <b>Rekod (Baru)</b> <b>53.32s</b>
	<b>Sukan</b> Kanu Atlet Khairul Naim Bin Zainal Acara K1 1000M (Lelaki) Rekod (Lama) 4:02:850 <b>Rekod (Baru)</b> <b>3:53:835</b>
	<b>Sukan</b> Kanu Atlet Aisyah Farhanah Binti Azwan Acara K1 1000M (Wanita) Rekod (Lama) 4:49:430 <b>Rekod (Baru)</b> <b>4:36:760</b>
	<b>Sukan</b> Kanu Atlet Roqaiyah Binti Nor Amran Mas Durratul Iman Binti Mas Irhan Acara K2 1000M (Wanita) Rekod (Lama) 4:30:530 <b>Rekod (Baru)</b> <b>4:24:142</b>





Sukan	Kanu
Atlet	Aisyah Farhanah Binti Azwan Roqaiyah Binti Nor Amran Mas Durratul Iman Binti Mas Irhan Marina Binti Muzaffa
Acara	K4 1000M (Wanita)
Rekod (Lama)	4:04:650
<b>Rekod (Baru)</b>	<b>3:55:276</b>
Sukan	Kanu
Atlet	Khairul Naim Bin Zainal Muhammad Baihaqi Bin Md Yunus Mohamad Nazrin Bin Najib Nik Afiq Bin Nik Mazli
Acara	K4 1000M (Lelaki)
Rekod (Lama)	3:29:730
<b>Rekod (Baru)</b>	<b>3:20:721</b>
Sukan	Kanu
Atlet	Aisyah Farhanah Binti Azwan Marina Binti Muzaffa
Acara	K2 500M (Wanita)
Rekod (Lama)	2:05:050
<b>Rekod (Baru)</b>	<b>2:04:904</b>
Sukan	Kanu
Atlet	Khairul Naim Bin Zainal Muhammad Baihaqi Bin Md Yunus Mohamad Nazrin Bin Najib Nik Afiq Bin Nik Mazli
Acara	K4 500M (Lelaki)
Rekod (Lama)	1:51:420
<b>Rekod (Baru)</b>	<b>1:34:005</b>





## 6.10 MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF SUKMA

Majlis Penyerahan Insentif SUKMA XX MSN 2022 telah diadakan pada 03 November 2022 bertempat di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Majlis ini bertujuan bagi menyampaikan insentif kemenangan pingat kepada Kontinjen Wilayah Persekutuan di samping menghargai dan mengiktiraf atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah menyumbangkan pingat bagi Wilayah Persekutuan. Sejumlah RM1.096 juta telah diberikan kepada pemenang-pemenang pingat SUKMA XX MSN 2022, Sukan Komanwel Ke-22 di Birmingham, Sukan Perpaduan Islam Ke-5 di Konya, Sukan SEA Ke-31 di Vietnam serta beberapa kejohanan dalam dan luar negara sepanjang tahun 2022.





## 6.11 PENUTUP


Penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XX MSN 2022 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang diharapkan. Walaupun Kontinjen Wilayah Persekutuan gagal untuk menjadi juara keseluruhan SUKMA XX MSN 2022, namun masih berjaya mengekalkan kedudukan di tempat lima teratas dalam penyertaan ke SUKMA. Pencapaian Kontinjen Wilayah Persekutuan pada SUKMA ini juga dilihat di antara pencapaian terbaik dalam sejarah penyertaan Wilayah Persekutuan ke SUKMA sejak mula dianjurkan pada tahun 1986 lagi.



# **7.0**

## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA**







## 7.0

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA

#### 7.1 PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sukan dan Acara mengendalikan urusan berkaitan majlis-majlis rasmi dan acara di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengendali dan menguruskan program pembangunan modal insan atlet, jurulatih dan pegawai sukan. Selain itu, bahagian ini juga menyelaras program pengiktirafan dan penghormatan.

#### 7.2 PENGURUSAN ELAUN DAN BANTUAN

##### 7.2.1 PENGURUSAN BANTUAN PEMBANGUNAN SUKAN

MSWP merupakan badan induk yang bertanggungjawab mengerakkan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan melalui perancangan dan pelaksanaan pelbagai program sebagai usaha untuk memastikan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan bertanggungjawab untuk meneliti dan meluluskan permohonan bantuan yang dikemukakan oleh persatuan sukan dan NGO di Wilayah Persekutuan. Bantuan yang diluluskan bertujuan membantu membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada program Pembangunan Sukan, Sukan Massa dan Program Khas yang tertakluk kepada *Standard Operating Procedures (SOP)*. Mesyuarat dilaksanakan berdasarkan perancangan pada setiap tahun.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 546 bantuan telah diluluskan dengan jumlah peruntukan berjumlah RM6,212,004.20 telah disalurkan kepada persatuan sukan dan badan bukan kerajaan (NGO).

##### Laporan Pengurusan Bantuan Pembangunan Sukan Tahun 2022

Mesyuarat Bantuan	Bilangan Permohonan	Permohonan Diluluskan	Jumlah Bantuan (RM)
Bilangan 1/2022	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>257,900.00</b>
Bilangan 2/2022	<b>39</b>	<b>38</b>	<b>377,553.95</b>
Bilangan 3/2022	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>464,000.00</b>
Bilangan 4/2022	<b>33</b>	<b>31</b>	<b>190,050.00</b>
Bilangan 5/2022	<b>38</b>	<b>36</b>	<b>273,220.00</b>
Bilangan 6/2022	<b>44</b>	<b>43</b>	<b>454,644.70</b>
Bilangan 7/2022	<b>40</b>	<b>36</b>	<b>291,803.00</b>
Bilangan 8/2022	<b>66</b>	<b>64</b>	<b>475,834.00</b>
Bilangan 9/2022	<b>99</b>	<b>95</b>	<b>1,391,379.55</b>
Bilangan 10/2021	<b>86</b>	<b>82</b>	<b>813,309.00</b>
Bilangan 11/2022	<b>55</b>	<b>54</b>	<b>480,060.00</b>
Bilangan 12/2022	<b>36</b>	<b>35</b>	<b>454,289.50</b>
Bilangan 13/2022	<b>15</b>	<b>11</b>	<b>225,672.50</b>
Bilangan 14/2022	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>62,288.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>575</b>	<b>546</b>	<b>6,212,004.20</b>





## 7.2.2 PENGURUSAN ELAUN ATLET

Atlet Wilayah Persekutuan merupakan atlet di bawah program WiJUARA yang menjalani latihan yang berterusan. Mereka mewakili pelbagai jenis sukan pada SUKMA yang akan dipertandingkan secara dwi-tahunan dan akan dibayar elaun. Elaun tersebut adalah sumbangan yang diberikan secara bulanan mengikut kadar dan bilangan hari atlet berlatih bagi menampung keperluan atlet sepanjang menjalani latihan harian dalam program latihan yang telah ditetapkan oleh MSWP.

Pada tahun 2022, perbelanjaan sebanyak RM1,270,085.00 telah disalurkan kepada atlet Wilayah Persekutuan bagi bayaran elaun bermula Januari hingga September 2022.

### Laporan Pengurusan Elaun Atlet Tahun 2022

Bulan	Bilangan Atlet	Jumlah Elaun (RM)
Januari	484 orang	126,370.00
Februari	485 orang	125,110.00
Mac	489 orang	126,910.00
April	555 orang	144,065.00
Mei	557 orang	143,445.00
Jun	599 orang	154,740.00
Julai	590 orang	153,600.00
Ogos	576 orang	149,445.00
September	561 orang	146,400.00
JUMLAH		1,270,085.00

## 7.2.3 PENGURUSAN ELAUN JURULATIH

MSWP melantik jurulatih melalui mesyuarat Panel Kejurulatihan dan Sains Sukan. Jurulatih yang dilantik akan dibayar mengikut kadar yang diluluskan panel. Tatacara pelantikan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pelantikan Jurulatih MSWP. Elaun jurulatih akan dibayar secara bulanan berdasarkan laporan latihan yang dikemukakan kepada MSWP.

Pada tahun 2022, sebanyak RM1,350,300.00 telah dibayar kepada jurulatih yang dilantik sebagai bayaran elaun jurulatih.

### Laporan Pengurusan Elaun Jurulatih Tahun 2022

Bulan	Bilangan Jurulatih	Jumlah Elaun (RM)
Januari	90	125,800.00
Februari	90	125,800.00
Mac	90	125,800.00
April	93	127,400.00
Mei	93	127,400.00
Jun	94	129,000.00
Julai	96	133,200.00
Ogos	95	130,900.00
September	95	130,900.00
Okttober	26	67,500.00
November	24	63,300.00
Disember	24	63,300.00
JUMLAH		1,350,300.00





### 7.3 PROGRAM DAN ACARA

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Pengurusan Sukan dan Acara telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Secara keseluruhan sebanyak 10 program dan acara telah berjaya dilaksanakan yang merangkumi majlis rasmi, majlis pengiktirafan, kursus dan program sukan.

#### 1. LARIAN BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN DAN QUEEN'S BATON 2022

Tarikh	: 23 Januari 2022
Tempat	: Kompleks Perbadanan Putrajaya
Tetamu VIP	<p>i. YBhg. Dato' Parang Abai@Thomas Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan &amp; Sosio Ekonomi)</p> <p>ii. His Excellency Charles Hay MVO British High Commissioner</p> <p>iii. YBhg. Chong Kim Fatt Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia</p>

Program "Larian Bendera Wilayah Persekutuan dan Queen's Baton SHWP 2022 telah dilaksanakan bagi memenuhi program sukan pada tahun ini dan sebagai tanda sokongan kepada Sukan Komanwel. Program ini melibatkan seluruh Wilayah Persekutuan bagi menyokong dan menyemarakkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2022. Selain itu, program ini juga sebagai tanda solidariti komuniti Wilayah Persekutuan bagi menyatakan semangat muhibbah dan integrasi melalui program sukan serta meningkatkan kesedaran warga

Wilayah Persekutuan untuk mengamalkan gaya hidup sihat cergas dan aktif.

Larian ini melibatkan atlet Wilayah Persekutuan, bekas atlet komanwel dan pelari dari Wilayah Persekutuan. Terdapat 5 *check point* di sepanjang laluan untuk sesi penglibatan ikon/ atlet sukan (pertukaran 3 atlet ikon setiap *check point*) bagi larian sepanjang 8 kilometer ini. Larian ini juga melibatkan penyertaan daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia dan Majlis Olimpik Malaysia.



## 2. KEJOHANAN FUTSAL PIALA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2022

Tarikh	: 13 Februari 2022
Tempat	: Kompleks Futsal Presint 18 Putrajaya
Penyertaan	: 32 pasukan
Tetamu VIP	: Yang Berbahagia Datuk Haji Ramli bin Shaheen@Askolani Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Kejohanan ini melibatkan penyertaan daripada setiap parlimen di Wilayah Persekutuan. Kejohanan futsal ini mempertandingkan 2 kategori iaitu lelaki dan wanita. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Ramli bin Haji Shaheen@Askolani, Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Johan kategori lelaki dimenangi oleh TOT Kuala Lumpur dan Johan bagi kategori wanita dimenangi oleh YT Kazza.





### 3. KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Tarikh	: 13 Februari 2022
Tempat	: Kompleks Futsal Presint 18 Putrajaya
Penyertaan	: 48 pasukan
Tetamu VIP	: Yang Berbahagia Datuk Haji Ramlan bin Shahean@Askolani Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Kejohanan Sepak Takraw Piala Wilayah Persekutuan melibatkan penyertaan 48 pasukan sepak takraw di Wilayah Persekutuan. Penyertaan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu lelaki dan wanita. Penyertaan bagi lelaki melibatkan 32 pasukan dan wanita 16 pasukan. Majlis telah disempurnakan oleh Datuk Haji Ramlan Bin Haji Shahean@Askolani, Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan dihadiri oleh beberapa wakil persatuan sukan.




### 4. KEJOHANAN PAINTBALL WIPERS CUP SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2022

Tarikh	: 19 Februari 2022
Tempat	: Padang Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur
Penyertaan	: 43 pasukan
Tetamu VIP	: YBhg. Datuk Seri Mahadi bin Che Ngah Datuk Bandar Kuala Lumpur

Kejohanan ini melibatkan penyertaan daripada 43 pasukan daripada 13 Parlimen di Wilayah Persekutuan. Perlawanan peringkat saringan bermula pada 9.00 pagi dan melibatkan perlawanan kalah mati.

Kejohanan ini dimenangi oleh Parlimen Seputeh dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.






## 5. KL EXTREME JAM SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2022

Tarikh	: 12 Februari 2022
Tempat	: Skate Park Bukit Kiara Kuala Lumpur
Tetamu VIP	: Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Kejohanan ini melibatkan dua sukan ekstrem iaitu BMX dan skate board. Penyertaan bagi skate board dibahagikan kepada 2 acara iaitu bawah 14 tahun dan Terbuka, manakala BMX bagi acara terbuka sahaja. Penyertaan melibatkan sejumlah 300 orang dan hadiah pertandingan yang ditawarkan sejumlah RM15,000.00. Hadiah pertandingan disampaikan oleh Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.





## 6. KEJOHANAN KWP-DBKL MUAY THAI CHALLENGE SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2022

Tarikh	: 25-27 Februari 2022
Tempat	: Stadium Titiwangsa
Tetamu VIP	: Yang Berhormat Dato' Seri Jalaludin bin Alias Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Yang Berbahagia Dato' Parang Abai@Thomas Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Kementerian Wilayah Persekutuan

Kejohanan KWP-DBKL Muay Thai Challenge dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Kejohanan ini menampilkan penyertaan regu *super fight* dan super 4 muay thai. Pada kejohanan ini sebanyak 9 regu *super fight* (18 orang) akan berentap bagi merebut tali pinggang yang dipertandingkan. Manakala terdapat sebanyak 4 regu *super fight* (8 orang) yang akan berentap mendapatkan

tali pinggang yang dipertandingkan pada edisi kali ini.

Majlis telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Seri Jalaludin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Yang Berbahagia Dato' Parang Abai@Thomas, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan.



## 7. MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2022

Tarikh	: 30 Ogos 2022
Tempat	: Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan
Tetamu VIP	: Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan

Bantuan pentadbiran kepada persatuan sukan merupakan inisiatif Majlis Sukan Wilayah Persekutuan untuk menyumbang dan membantu persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan supaya dapat diuruskan dengan lebih baik dan berkesan. Pemberian bantuan pentadbiran juga merupakan usaha MSWP untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dapat dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat di Wilayah Persekutuan.

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan kepada Persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

diadakan pada 30 Ogos 2022 di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan. Sebanyak RM306,000.00 telah disumbangkan kepada 74 persatuan sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan dan dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Ramli Bin Haji Shaheen@Askolani, Penggerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan serta Yang Berbahagia Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan.





## 8. MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2022

Tarikh	: 20 Ogos 2022
Tempat	: Grand Ballroom Hotel Lazenda Labuan
Tetamu VIP	: Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan

Bantuan pentadbiran kepada persatuan sukan merupakan inisiatif Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) untuk menyumbang dan membantu persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan supaya dapat diuruskan dengan lebih baik dan berkesan.

Pemberian bantuan pentadbiran juga merupakan usaha MSWP untuk memastikan program pembangunan sukan yang berterusan dapat dilaksanakan oleh persatuan sukan di semua peringkat di Wilayah Persekutuan.

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan kepada Persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Labuan telah dilaksanakan pada 20 Ogos 2022 di Hotel Lazenda, Labuan. Sebanyak RM88,000.00 telah disumbangkan kepada 24 persatuan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan dan dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Ramlan Bin Haji Shahean@Askolani, Penggerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan serta Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.



## **9. MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF ATLET DAN JURULATIH WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2022**

Tarikh	: 3 November 2022
Tempat	: Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya
Tetamu VIP	: Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan

Pemberian Insentif kepada Atlet dan Jurulatih Wilayah Persekutuan adalah bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan atlet serta jurulatih Wilayah Persekutuan yang telah membantu Malaysia di Sukan SEA Vietnam Ke 31, Sukan Komanwel, Birmingham 2022, 5th Islamic Solidarity Games 2021 Konya Turkiye, Sukan Malaysia (SUKMA) Ke 20 MSN dan beberapa kejohanan dalam dan luar negara. Pemberian insentif kewangan ini adalah sebagai menghargai pengorbanan

dan usaha yang telah diberikan oleh atlet Wilayah Persekutuan selain meningkatkan motivasi serta galakan kepada atlet Wilayah Persekutuan untuk terus memberikan pencapaian yang terbaik.

Jumlah keseluruhan pemberian insentif atlet dan Jurulatih Wilayah Persekutuan ini adalah sebanyak RM1,096,000.00 dan melibatkan seramai 358 orang atlet serta jurulatih Wilayah Persekutuan.



Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan.





## 10. GRAND FINAL FUTSAL PIALA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN 2022

Tarikh	: 21-20 Ogos 2022
Tempat	: Kompleks Futsal Tanjung Purun Labuan
Tetamu VIP	: Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Menteri Wilayah Persekutuan


Grand Final Futsal Piala Wilayah Persekutuan julung kali diadakan bagi merapatkan hubungan antara peserta dan pemimpin tempatan. Pelaksanaan program ini dapat menanamkan sifat bekerjasama, meningkatkan mutu sukan dan menggalakkan masyarakat terlibat dalam aktiviti sukan.

Selain itu, program ini juga dapat mencungkil bakat-bakat baru dan juga masyarakat dalam sukan futsal di samping mengukuhkan

semangat kesukanan di kalangan peserta yang terlibat.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan dan turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Ramli Bin Haji Shaheen@Askolani, Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan serta Tuan Haji Rithuan bin Haji Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.





# **8.0**

# **BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN**







## 8.0

### BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

#### 8.1 PENGENALAN

Bermula tahun 2019, Bahagian Fasiliti dan Sains Sukan (FSS) telah ditubuhkan bagi memastikan keperluan sokongan dari aspek kemudahan sukan dan sains sukan kepada atlet dan jurulatih dengan lebih menyeluruh.

Kemudahan pusat latihan atlet merupakan asas dalam kecemerlangan bidang sukan. Dengan cabaran menyediakan kemudahan pusat latihan di Wilayah Persekutuan, MSWP telah menerima kerjasama yang amat baik dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Wilayah Persekutuan dan juga daripada pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Usaha sama ini telah berjaya menyediakan pusat latihan yang lengkap dan bertaraf antarabangsa bagi kegunaan oleh atlet Wilayah Persekutuan sepanjang persediaan pasukan sebelum Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) berlangsung.

Selain itu, pemantapan program sokongan sains sukan juga telah giat dijalankan oleh FSS dengan sokongan pihak pengurusan MSWP. Bermula dengan keperluan asas sokongan sains sukan, FSS juga telah menerapkan asas pendidikan sains sukan bagi memastikan atlet lebih memahami dan fokus dengan latihan dan program yang dijalankan.

#### 8.2 FUNGSI BAHAGIAN FASILITI DAN SAINS SUKAN

- Penyediaan Program Latihan Suaian Fizikal.
- Menjalankan Program Ujian Kecergasan (Umum dan Spesifik) bagi atlet Wilayah Persekutuan.
- Menyediakan perkhidmatan Fisioterapi dan Pemulihan Kecederaan.
- Menyediakan Latihan Khas Psikologi Sukan.
- Pemeriksaan Kecederaan dan Kesihatan.
- Membantu dalam penyediaan Pusat Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan.

#### 8.3 LATIHAN SUAIAN FIZIKAL DAN KECERGANASAN ATLET


Program Latihan Suaian Fizikal adalah merangkumi latihan bebanan dan suaian fizikal kepada atlet Wilayah Persekutuan yang disediakan oleh Bahagian Fasiliti dan Sains Sukan melalui Jurulatih Kecergasan lantikan MSWP. Program ini bertujuan bagi memastikan atlet sentiasa dalam keadaan bersedia selain mengurangkan risiko kcederaan. Latihan ini dijalankan melalui dua kaedah iaitu secara dalam talian dan secara fizikal. Program ini telah memberi impak yang besar terhadap prestasi atlet sebelum diterjemahkan semasa menyertai kejohanan dan pertandingan.

Selari dengan arus permodenan semasa, FSS dengan kerjasama Bahagian Komunikasi Korporat dan Sistem Maklumat MSWP (BKKSM), sistem ***Athlete Performance Monitoring System*** (APMS) telah diwujudkan untuk membantu dalam aspek analisa prestasi atlet Wilayah Persekutuan.

##### 8.3.1 Bilangan Atlet Yang Menjalani Latihan Suaian Fizikal

Bil.	Jenis Sukan	Bil. Atlet	Bil. Sesi
1.	Kanu	28	83
2.	Tinju	8	35
3.	Hoki Wanita	18	27
4.	Hoki Lelaki	18	20
5.	Basikal (BSW)	14	27
6.	Basikal Trek	2	23
7.	Basikal Lebuhraya	8	37





8.	Tenpin Bowling	13	21
9.	Akuatik Renang	20	1
10.	Bola Tampar Dewan Lelaki	13	1
11.	Muaythai	12	2
12.	Bola Tampar Pantai Lelaki	7	1
13.	Pelayaran	1	2
14.	Olahraga (Labuan)	6	20
15.	Silat (Labuan)	9	43
16.	Boling Padang (Labuan)	14	28
17.	Renang (Labuan)	18	22
18.	Petanque (Labuan)	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>210 atlet</b>	<b>394 sesi</b>



Johari mengetuai atlet semasa sesi panas badan sebelum perlawanan bermula



Gimnasium WiPers sibuk menerima kehadiran atlet



Atlet Labuan menjalani latihan suaian fizikal di Gimnasium Labuan



Atlet menjalani latihan kekuatan di Gimnasium WiPers






#### 8.4 UJIAN KECERGASAN ATLET

Dengan mengaplikasikan sistem analisa prestasi APMS, FSS telah merancang program ujian kecergasan bagi menilai semula tahap kecergasan atlet Wilayah Persekutuan. Hasilnya, jurulatih dapat mengenalpasti kekurangan dan merancang semula program yang diperlukan bagi membantu atlet kembali ke prestasi sebenar.

##### 8.4.1 Bilangan Ujian Kecergasan Mengikut Sukan

Bil.	Jenis Sukan	Bil. Atlet	Bil. Sesi
1.	Bola Jaring	14	1
2.	Tinju	14	1
3.	Hoki Lelaki	16	2
4.	Hoki Wanita	18	2
5.	Tenpin Bowling	13	2
6.	Basikal Trek & Lebuhraya	8	1
7.	Kanu	17	2
8.	Pelayaran	8	1
9.	Skuasy	10	1
10.	Ragbi Lelaki	9	1
11.	Ragbi Wanita	15	2
12.	Menembak	23	1
13.	Sepak Takraw Lelaki	8	1
14.	Sepak Takraw Wanita	8	1
15.	Angkat Berat	10	1
16.	Kriket Lelaki	13	1
17.	Meranah	20	1
18.	Karate Lelaki	5	1
19.	Petanque	14	1
20.	Bola Tampar Pantai Wanita	8	1
21.	Bola Tampar Dewan Lelaki	15	1
22.	Pencak Silat	33	1
23.	Muaythai	14	2
24.	Tenis	8	1
25.	Judo	10	1
26.	Wushu	11	2
27.	Bola Tampar Pantai Lelaki	7	1
28.	Boling Padang	20	1
29.	Pelayaran	1	1
30.	Esport	18	1
<b>Jumlah</b>		<b>388 atlet</b>	<b>37 sesi</b>





Jurulatih kecergasan fokus dalam meneliti aspek penting semasa atlet menjalankan ujian kecergasan



Persediaan alatan ujian kecergasan sebelum ujian kecergasan bermula




Jurulatih kecergasan fokus dalam meneliti aspek penting semasa atlet menjalankan ujian kecergasan



Persediaan alatan ujian kecergasan sebelum ujian kecergasan bermula

#### 8.4.2 Tahap Kecergasan Atlet Wilayah Persekutuan





## 8.5 PERKHIDMATAN PEMULIHAN KECEDERAAN SUKAN

Pada tahun 2022, atlet lebih giat menjalani latihan dengan intensiti latihan yang tinggi dan memberi impak kepada peningkatan kadar kecederaan. Bagi menangani situasi ini, FSS sentiasa bersedia dan cakna dengan keadaan semasa atlet yang mempunyai kebarangkalian mengalami kecederaan bagi memastikan pencegasan atau rawatan awal dapat dilakukan.

Jadual dibawah menunjukkan bilangan sesi rawatan yang dijalankan oleh atlet sepanjang program berlangsung.


### 8.5.1 Jumlah Sesi Rawatan dan Pemulihian Kecederaan bagi Tahun 2022

Bulan	Jumlah Sesi
Januari	85
Februari	33
Mac	45
April	37
Mei	13
Jun	171 (KLAS)
Julai	57
Ogos	61
September	634 (SUKMA)
Oktober	50
November	26
Disember	25
<b>Jumlah</b>	<b>1237 sesi</b>

### 8.5.2 Rawatan dan Pemulihian Kecederaan Atlet (SUKMA 2022)

Jenis Rawatan	Bilangan Sesi
Sport Massage	139
Athlete Rehab	177
Medical Consultation	57
Ice Bath	234
Pool Therapy	27
<b>Jumlah</b>	<b>634 sesi</b>





Atlet Kanu sedang menerima rawatan pemulihan sebelum memulakan perlumbaan



Ahli fisioterapi sukan sentiasa memastikan atlet dalam keadaan yang terbaik dan mampu untuk meneruskan saingan



Urutan sukan salah satu aspek penting dalam sesi pemulihan atlet



Ahli fisioterapi Wilayah Persekutuan sedang menyiapkan atlet dengan balutan asas bagi mengurangkan risiko kecederaan



Jurulatih kecergasan fokus dalam meneliti aspek penting semasa atlet menjalankan ujian kecergasan




Persediaan alatan ujian kecergasan sebelum ujian kecergasan bermula



## 8.6 PUSAT LATIHAN ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN

Fasiliti sukan merupakan aspek penting dalam melaksanakan program sukan berprestasi tinggi. Dengan cabaran yang dihadapi oleh MSWP, FSS giat meneliti dan memastikan setiap fasiliti sukan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kerjasama erat dengan PBT Wilayah Persekutuan juga membolehkan atlet Wilayah Persekutuan dapat menjalani latihan dengan baik. Tidak lupa juga kepada agensi kerajaan lain yang sentiasa memberi sokongan secara langsung atau tidak sepanjang program latihan dijalankan.

Bagai bulan jatuh ke riba, sebagai bagi persediaan akhir sebelum ke Sukan Malaysia Tahun 2022 atlet Wilayah Persekutuan telah berpeluang menjalani latihan di fasiliti sukan bertaraf antarabangsa iaitu Arena Sukan Kuala Lumpur dengan kerjasama daripada pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).



Atlet Silat menjalani latihan di Arena Sukan Kuala Lumpur



Dr. Hasnul Faizal dan En. Khudhoiri menyantuni pengurusan pasukan silat Wilayah Persekutuan



Atlet Bola Tampar menjalani latihan sebagai persediaan ke SUKMA 2022




Jurulatih Renang Wilayah Persekutuan memerhati atlet Renang menjalani latihan

## 8.7 PENDIDIKAN JURULATIH DAN ATLET

### 8.7.1 Pendidikan Anti-Doping Peringkat Wilayah Persekutuan

Pendidikan Anti-Doping peringkat Wilayah Persekutuan telah dianjurkan oleh Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS). Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan di kalangan atlet dan jurulatih Wilayah Persekutuan supaya atlet dapat bertanding dengan baik dan tanpa sebarang isu penggunaan barang terlarang serta tidak melanggar etika dan peraturan yang ditetapkan.





Puan Azura Abidin (Pengarah ADAMAS) memberikan ucapan aluan dan perasmian program



En. Zulkefli Saref memberi ceramah berkaitan anti-doping kepada atlet Wilayah Persekutuan



Timbalan Pengarah MSWP, Puan Nabilah Zakaria turut hadir dan memberikan sokongan kepada program yang dijalankan



*Be Clean. Be Healthy. Be Proud*

### 8.7.2 Pengurusan Analisa Prestasi Sukan

Kursus Pengurusan Analisa Prestasi Sukan dijalankan bagi tujuan meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan jurulatih dan berkongsi pendapat dalam kaedah menganalisa prestasi atlet. Kursus dan perkongsian ini dikendalikan oleh En. Norasrudin Sulaiman, Pakar Analisa Sukan MSWP. Kursus ini juga memberi ruang kepada jurulatih untuk berkongsi kepakaran dan pendapat dari sudut spesifik sukan masing-masing.



En. Norasrudin memberikan penerangan ringkas berkenaan analisa prestasi sukan kepada jurulatih yang hadir



Jurulatih Hoki Lelaki, En. James berkongsi pendapat berkenaan sukan hoki





En. Matin Guntali berkongsi pengalaman beliau dalam sukan angkat berat



Jurulatih sempat merakamkan gambar kenangan bersama tenaga pengajar kursus







# **9.0**

# **MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN**

## 9.0

### MAJLIS SUKAN KAWASAN PENTADBIRAN

#### 9.1 PENGENALAN

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah menubuhkan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (MSKP) pada 5 Mei 2020. MSKP ditubuhkan seperti mana yang ditetapkan di bawah Kaedah 7 Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006. Tujuan penubuhan adalah untuk memajukan sukan di Wilayah Persekutuan khususnya menyediakan kemudahan yang mencukupi demi kemajuan sukan prestasi tinggi di Wilayah Persekutuan.

Terdapat tiga MSKP di Wilayah Persekutuan iaitu MSKP Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Majlis Sukan Kuala Lumpur, MSKP Putrajaya sebagai Majlis Sukan Putrajaya dan MSKP Labuan sebagai Majlis Sukan Labuan. Ketiga-tiga MSKP ini bertanggungjawab bagi menyelaras dan membantu dalam pelaksanaan program di MSKP.

Penubuhan MSKP ini akan merancakkan lagi pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan terutamanya peringkat akar umbi selain memartabatkan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan. MSKP juga merupakan pelengkap kepada ekosistem pembangunan sukan Wilayah Persekutuan.

#### 9.1.1 PERANAN MSKP





## 9.2 MAJLIS SUKAN KUALA LUMPUR DAN MAJLIS SUKAN PUTRAJAYA

### 9.2.1 SENARAI AHLI MAJLIS SUKAN KUALA LUMPUR SESI 2020-2022

Bil.	Nama	Jawatan Agensi	Jawatan
1.	Datuk Seri Mahadi bin Che Ngah	Datuk Bandar Kuala Lumpur	Pengerusi
2.	Tuan Haji Anwar bin Mohd Zain	Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio Ekonomi)  Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Timbalan Pengerusi
3.	Khairul Azmir bin Ahmad	Pengarah  Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan  Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Setiausaha
4.	Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri	Pengarah  Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	Ahli
5.		Pengarah  Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Ahli
6.	Mohamad bin Hamim @ Mohamed Kamaruddin	Pengarah  Jabatan Kewangan  Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Ahli
7.	Asmori Bin Sa'ahari	Pengarah  Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Ahli
8.	Datuk Sulaiman bin Mohamed	Presiden  Kelab Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Ahli
9.	Dato' Sri Jahaberdeen Bin YM Mohamed Yunooos	Presiden  Persatuan Badminton Kuala Lumpur	Ahli
10.	Rasila binti Hamzah	Presiden  Persatuan Bola Jaring Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Ahli





11.	Muregesu Soosaimany	Setiausaha Kehormat Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Ahli
12.	Tang Kwai Mae	Setiausaha Kehormat Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur	Ahli
13.	Arivalagan a/l Ponniyah	Persatuan Karate	Ahli
14.	Wong Kang Woon	KPNP Malaysia Plt.	Ahli
15.	Dr. Mohd Salleh Aman	UM	Ahli

#### **9.2.2 SENARAI AHLI MAJLIS SUKAN PUTRAJAYA SESI 2020-2022**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan Agensi</b>	<b>Jawatan</b>
1.	Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain	Presiden Perbadanan Putrajaya	Pengerusi
2.	Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh	Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar) Perbadanan Putrajaya	Timbalan Pengerusi
3.	Muhammad Zaidi bin Abdul Wahab	Ketua Penolong Pengarah Perbadanan Putrajaya	Setiausaha
4.	Suhaila binti Eleas	Naib Presiden (Kewangan) Perbadanan Putrajaya	Ahli
5.	Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri	Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	Ahli
6.	Hajah Farizah Binti Ahmad	Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ahli





7.	Asmori bin Haji Sa'ahari	Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Ahli
8.	Ahmad Janius bin Abdullah	Setiausaha Persatuan Angkat Berat Putrajaya	Ahli
9.	Mohd Saiful bin Abdul Jalil	Setiausaha Persatuan Berbasikal Putrajaya	Ahli
10.	Hanifah Yong Yin Fah	Pengerusi Pembangunan Malaysian Waterski & Wakeboard Federation (MWWF)	Ahli
11.	Muhammad Farhan bin Zakaria	Persatuan Skuasy Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ahli
12.	Ahmad Faisal bin Abdul Karim	Presiden Persatuan Bola Sepak Putrajaya	Ahli
13.	Mohd Tamizi bin Jaafar	Presiden Ragas Sport Climbing Club	Ahli
14.	Rosli bin Abdul Talib	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti Perbadanan Putrajaya	Ahli
15.	Mohd Suffian bin Mohd Salleh	Ketua Penolong Pengarah Kesihatan Persekitaran Kementerian Kesihatan Malaysia	Ahli





### 9.3 MAJLIS SUKAN LABUAN

#### 9.3.1 PENGENALAN

Majlis Sukan Labuan merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjalankan fungsi pentadbiran dan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan Labuan yang meliputi aspek pembangunan bakat sukan di peringkat akar umbi mahupun di peringkat komuniti. Sehubungan dengan itu juga, inisiatif menyelaras serta menstruktur semula Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran di tiga Wilayah termasuk Labuan telah dibuat melalui pindaan dasar tanpa menafikan status persatuan sebagai persatuan negeri. Maka Majlis Sukan Labuan diberi nafas baru serta pengurusan yang lebih efektif, selaras dengan Pelan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan 2020 – 2030.

Berikut adalah fungsi utama Majlis Sukan Labuan

1. Menyelaras dan menjalankan peranan utama MSWP di Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Memberi fokus kepada Pembangunan Sukan di Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Menyelaras dan menjalankan program bakat sukan di Wilayah Persekutuan Labuan seiring dengan Program Bakat Sukan Wilayah (BSW).
4. Memantau prestasi atlet SUKMA di Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Menjalankan peranan sebagai medium perhubungan badan sukan serta jurulatih di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelbagai program pembangunan serta penggalakan sukan telah dijalankan merangkumi pelbagai aspek iaitu pemantauan berterusan atlet sukan berprestasi tinggi, program penggalakan sukan (Sukan Massa), bengkel pengurusan sukan, program pembangunan bakat sukan, serta program pendidikan dan pentaulahan sijil berkaitan sukan bagi memastikan agar Labuan tidak ketinggalan dan terus seiring dengan wilayah lain.

#### SENARAI PERSATUAN SUKAN DIBAWAH PROGRAM MSL:

<b>Bil.</b>	<b>Persatuan Sukan</b>
1	Persatuan Bowling Padang WP Labuan
2	Persatuan Karate WP Labuan
3	Persatuan Pencak Silat WP Labuan
4	Persatuan Ragbi Labuan
5	Persatuan Tomoi Wilayah Persekutuan Labuan
6	Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan
7	Persatuan Bola Sepak Labuan
8	Persatuan Memanah Labuan
9	Persatuan Badminton Labuan
10	Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan Labuan
11	Persatuan Bina Badan W.P Labuan
12	Persatuan Akuatik Wilayah Persekutuan Labuan
13	Persatuan Renang Labuan
14	Persatuan Bola Tampar Amator Labuan
15	Persatuan Kanu Labuan
16	Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya WP Labuan
17	Persatuan Wushu Labuan






18	Persatuan Petanque W.P Labuan
19	Persatuan Tinju Amatur Wilayah Persekutuan Labuan
20	Persatuan Tenis Wilayah Persekutuan Labuan
21	Persatuan Ping Pong Wilayah Persekutuan Labuan
22	Persatuan Sukan Elektronik Wilayah Persekutuan Labuan
23	Kelab Olahraga Bandar Labuan
24	Kelab Pelayaran Victoria

#### **AKTIVITI/PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG 2022**

<b>Bil.</b>	<b>Persatuan</b>	<b>Program/Kejohanan</b>	<b>Tarikh Perlaksanaan</b>
1	Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Labuan	Bantuan Capaian Internet di USK Labuan Karate Dojo bagi Latihan Karate Virtual (E-Class) sepanjang Tahun 2022	Januari – Disember 2022
2	Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Labuan	Kejohanan Petanque Hari Wilayah 2022 Tertutup Labuan	5 – 6 Februari 2022
3	Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Labuan	Penyertaan "Sabah State Cadet Junior and Senior Karate Championship 2022"	17 – 21 Februari 2022
4	Persatuan Ragbi Labuan	Penganjuran Labuan Rugby 7S Test Series 2022	25 – 27 Mac 2022
5	Persatuan Bola Tampar Amator WP Labuan	Kejohanan Bola Tampar Dewan Tertutup Lelaki dan Wanita Piala Lava – MPP W.P. Labuan 2022	25 – 27 Mac 2022
6	Kelab Sukan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan	Sesi Libat Urus bersama Badan Sukan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan	30 – 31 Mac 2022
7	Persatuan Sepak Takraw WP Labuan	Program Kem Latihan Atlet Sukan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan bagi persiapan menyertai SUKMA XX MSN 2022	23 – 29 Mei 2022





8	Persatuan Tinju Amatur WP Labuan	Kem Pemilihan Atlet Sukan Tinju dan Program Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022	23 Mei – 9 Jun 2022
9	Persatuan Akuatik WP Labuan	Penyertaan 57 <sup>th</sup> Milo/Pram Malaysia Invitational Age Group Swimming Championship 2022	2 – 5 Jun 2022
10	Persatuan Wushu Wilayah Persekutuan Labuan	Penyertaan Pertandingan Sanda – Kungfu Heroes 6	12 Jun 2022
11	Persatuan Sepak Takraw WP Labuan	Penyertaan Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Terengganu Pra SUKMA Wanita 2022 (WP Labuan)	30 Jun – 3 Julai 2022
12	Persatuan Ragbi Labuan	Penyertaan Kejohanan Ragbi 7 Sepasukan Kebangsaan (National 7S) 2022 Kategori Terbuka Lelaki dan Wanita Bawah 21 Tahun	29 Jun – 5 Julai 2022
13	Persatuan Ragbi Labuan	Penganjuran Pertandingan Rugby Beach 5'S LISC 2022	1 – 3 Julai 2022
14	Persatuan Akuatik WP Labuan	Penyertaan 54 <sup>th</sup> Sabah Invitational Age Group Swimming Championships 2022	1 – 3 Julai 2022
15	Persatuan Kanu Labuan	Penganjuran Labuan International Sea Challenge (LISC) 2022 – Sprint kayak Challenge 2022	2 Julai 2022
16	Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Labuan	Penganjuran Kejohanan Bakat Petanque LISC 2022	2 – 3 Julai 2022
17	Persatuan Bola Tampar Amator WP Labuan	Penganjuran Kejohanan Bola Tampar Pantai Tertutup Lelaki dan Wanita Sempena Labuan International Sea Challenge 2022	2 – 3 Julai 2022





18	Persatuan Sepak Takraw WP Labuan	Penganjuran Karnival Sukan Sepak Takraw Pantai Sempena Labuan <i>International Sea Challenge 2022</i> Anjuran Persatuan Sepak Takraw Labuan (PSTL)	2 – 3 Julai 2022
19	Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Labuan	Penganjuran Karnival Pencarian Atlet Bakat (Petanque) Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	16 – 17 Julai 2022
20	Kelab Olahraga Bandar Labuan	Penyertaan Kejohanan Terbuka POWPKL / MSWP / MILO Ke 34	30 – 31 Julai 2022
21	Persatuan Tinju Amatur WP Labuan	Kem Latihan Atlet Tinju Wilayah Persekutuan Labuan Siri 1 Tahun 2022	12 – 14 Ogos 2022
22	Kelab Bola Sepak Pekan	Penyertaan Liga Suparimau Zon Sabah	6 Ogos 2022
23	Persatuan Bola Sepak Labuan	Penganjuran Kejohanan Futsal YBM Wilayah Bawah 18 Tahun	19 – 20 Ogos 2022
24	Persatuan Sepak Takraw WP Labuan	Kem Latihan Pusat Atlet Sepak Takraw Wanita Labuan Bagi Persediaan Akhir ke SUKMA 2022	8 – 28 Ogos 2022
25	Persatuan Olahraga Labuan (POAL)	Program Latihan Atlet Pembangunan SUKMA di Kompleks Sukan Sipitang, Sabah	22 – 30 Ogos 2022
26	Persatuan Petanque Wilayah Persekutuan Labuan	Penyertaan Kejohanan di Lawas Sarawak	27 – 28 Ogos 2022
27	Kelab Pelayaran Victoria	Latihan Pusat & Kejohanan MSSM Pelayaran 2022	17 – 31 Ogos 2022
28	Persatuan Bowling Padang WP Labuan	Penyertaan ke Kejohanan <i>Lawn Bowls Singles</i> Kebangsaan	19 – 23 Oktober 2022
29	SAS Cycling Club	Penganjuran Labuan <i>Ride</i> 2022	30 Oktober 2022





30	Persatuan Akuatik WP Labuan	Penyertaan ke 12 <sup>th</sup> Penampang Preppies Swimming Championships 2022	12 – 13 November 2022
31	Kelab Hoki LBN (KHL)	Penyertaan ke Pertandingan 6 Sebelah Bawah 11 Hoki, Kota Kinabalu 2022	26 – 27 November 2022
32	Persatuan Sukan Boules WP Labuan	Penganjuran Klinik Petanque (Sekolah Rendah dan Menengah)	26 – 27 November 2022
33	Persatuan Pencak Silat Kebangsaan Wilayah Persekutuan Labuan	Penyertaan ke Kejohanan Silat Kebangsaan Ke-20, 2022	25 – 30 November 2022
34	Persatuan Wushu Wilayah Persekutuan Labuan	Penganjuran Borneo Martial Arts Expo 2022	9 – 11 Disember 2022
35	Kelab Olahraga Bandar Labuan	Penyertaan Kejohanan Lari Berganti-Ganti / AAC Relay Championship Tahun 2022	17 Disember 2022
36	Persatuan Sukan Boules WP Labuan	Penyertaan ke Mysed Double Petanque Limbang Open 2022	17 – 18 Disember 2022

Majlis Sukan Labuan merupakan sebuah badan sukan yang bernaung di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi MSWP di Labuan. Penstrukturkan Majlis Sukan Labuan adalah melalui permohonan penubuhan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (MSKP) di dalam Mesyuarat Ahli Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada 29 April 2020. Majlis Sukan Kawasan pentadbiran ini merangkumi ketiga – tiga Wilayah iaitu Majlis Sukan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Putrajaya dan Majlis Sukan Labuan.

### 9.3.2 SENARAI AHLI MAJLIS SUKAN LABUAN SESI 2020-2022

BIL.	NAMA	JAWATAN AGENSI	JAWATAN
1	Dr. Fary Akmal Binti Osman	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan	Pengerusi
2	Hj. Rithuan Bin Hj. Ismail	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan	Timbalan Pengerusi
3	Mahathir Abd. Hamid	Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan	Setiausaha





4	Norina @ Morin Ignatius Beatty	Pengarah Jabatan Kewangan Perbadanan Labuan	Bendahari
5	Dr. Hasnul Faizal bin Hushin Amri	Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	Ahli
6	Yusup bin Mohamad	Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan	Ahli
7	Mohamad Syahffie Bin Japril	Pengarah Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan	Ahli
8	Hasan@Hassan Bin Jinin	Naib Presiden Persatuan Bowling padang WP Labuan	Ahli
9	Chong Chung Yee	Presiden Persatuan Wushu WP Labuan	Ahli
10	Lee Kiat Khim	Persatuan Olahraga Labuan	Ahli
11	Sophian Bin Said	Persatuan Bola Sepak Labuan	Ahli
12.	Abdul Rashid Bin Adlie	Persatuan Ragbi Labuan	Ahli

### 9.3.3 PROGRAM DAN AKTIVITI


Berikut adalah bingkisan aktiviti yang telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang 2022:

#### 1. SESI LIBAT URUS PESURUHKJAYA SUKAN MALAYSIA BERSAMA PERSATUAN – PERSATUAN SUKAN WP LABUAN DENGAN KERJASAMA JABATAN BELIA DAN SUKAN WP LABUAN

- Tarikh : 25 – 26 Mac 2022  
Tempat : Bilik Seminar, Ujana Kewangan Labuan  
Penyertaan : Persatuan-persatuan WP Labuan  
Tetamu VIP : En. Ibrahim Mohd Yusof, Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan En. Muhammad Shafiee bin Japril, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan  
Agensi Terlibat: Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan

Pada 25-26 Mac 2022, Sesi Libat Urus Pesuruhjaya Sukan Malaysia Bersama Persatuan-Persatuan Sukan WP Labuan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan telah diadakan. Program ini bertujuan memberikan penerangan berkenaan pengurusan organisasi badan sukan serta panduan berkenaan tadbir urus, pelaporan dan pendaftaran badan sukan. Penyertaan terdiri daripada persatuan dan kelab sukan di WP Labuan.





## 2. LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC) 2022 SPRINT KAYAK CHALLENGE 2022

Tarikh	: 2 Julai 2022
Tempat	: Kompleks Sukan Laut Antarbangsa Labuan
Penyertaan	: Dalam dan luar WP Labuan
Tetamu VIP	: Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
Agensi Terlibat : Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan W.P Labuan	

Pada 2 Julai 2022 telah berlangsung Kayak Sprint Challenge Sempena Labuan International Sea Sport Challenge 2022 bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Kanu Labuan dan penyertaan terdiri dari atlet dalam dan luar Labuan. Program ini memperkenalkan acara sukan kayak kepada orang ramai dan telah berjaya mencungkil bakat dalam sukan tersebut.





### **3. LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC) 2022 BAKAT PETANQUE**

Tarikh : 1 – 3 Julai 2022  
Tempat : Kompleks Sukan Laut Antarbangsa Labuan  
Penyertaan : Dalam dan luar WP Labuan  
Tetamu VIP : Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan  
Agensi Terlibat : Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan


Pada 1-3 Julai 2022 telah berlangsung Bakat Petanque Sempena *Labuan International Sea Sport Challenge* 2022 bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Petanque W.P Labuan dan penyertaan terdiri dari atlet dalam dan luar Labuan. Program ini bertujuan mencungkil bakat baharu sukan Petanque dalam kalangan umur bawah 17 tahun dan pendedahan kejohanan.



### **4. LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC) 2022 BOLA TAMPAR PANTAI TERTUTUP LELAKI DAN WANITA**

Tarikh : 1 – 3 Julai 2022  
Tempat : Kompleks Sukan Laut Antarbangsa Labuan  
Penyertaan : Pasukan – pasukan bola tampar pantai di WP Labuan  
Tetamu VIP : Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.  
Agensi Terlibat : Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan





## 5. LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC) 2022 SEPAK TAKRAW PANTAI

Tarikh : 1-3 Julai 2022  
Tempat : Kompleks Sukan Laut Antarbangsa Labuan  
Penyertaan : Dalam dan luar WP Labuan  
Tetamu VIP : Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan  
Agensi Terlibat : Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan

Pada 1-3 Julai 2022 telah berlangsung Pertandingan Sepak Takraw Pantai Lelaki dan Wanita Sempena *Labuan International Sea Sport Challenge 2022* bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Sepak Takraw W.P Labuan dan penyertaan terdiri daripada atlet dalam dan luar WP Labuan. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kejohanan selain mencungkil bakat baharu dalam sukan ini.






## 6. PENGANJURAN KEJOHANAN FUTSAL YBM HARI WILAYAH PERSEKUTUAN BAWAH 18 TAHUN SEMPENA GRAND FINAL FUTSAL WILAYAH PERSEKUTUAN SHWP 2023

Tarikh	: 19 – 20 Ogos 2022
Tempat	: Gelanggang Futsal Tanjung Purun Perbadanan Labuan
Penyertaan	: Remaja bawah 18 tahun sekolah – sekolah di WP Labuan
Tetamu VIP	: Datuk Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan, YB. Senator Datuk Hj. Bashir Alias, Penggerusi Perbadanan Labuan dan Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
Agenzia Terlibat	: Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan

Pada 19 – 20 Ogos 2022 telah berlangsung Kejohanan Futsal YBM Hari Wilayah Persekutuan Bawah 18 Tahun Sempena *Grand Final* Futsal Wilayah Persekutuan SHWP 2023 bertempat di Gelanggang Futsal Tanjung Purun Perbadanan Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak W.P Labuan dan penyertaan terdiri dari sekolah – sekolah WP Labuan. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kejohanan dan mencungkil bakat baharu dalam sukan ini.





## 7. PENGANJURAN LABUAN RIDE 2022

Tarikh	: 30 Oktober 2022
Tempat	: Kompleks Sukan Laut Antrabangsa Labuan
Penyertaan	: Pelumba daripada dalam dan luar WP Labuan
Tetamu VIP	: YB Senator Datuk Hj Bashir bin Alias, Pengurus Perbadanan Labuan dan Hj. Rithuan bin Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
Agenzi Terlibat	: Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan

Pada 30 Oktober 2022 telah berlangsung kejohanan lumba basikal Labuan Ride 2022 bertempat di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan, SAS Cycling Club dan TSS Cycling Club. Penyertaan terdiri daripada pelumba dari dalam dan luar W.P Labuan. Program ini bertujuan mencungkil bakat baharu serta pembangunan sukan berbasikal di W.P Labuan di samping mempromosikan pelancongan sukan.





## 8. PENGANJURAN KLINIK PETANQUE (SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH) PERINGKAT LABUAN 2022

Tarikh : 26 – 27 November 2022  
Tempat : Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Labuan  
Penyertaan : Remaja bawah 12 tahun dan bawah 18 tahun sekolah-sekolah di WP Labuan  
Agensi Terlibat : Majlis Sukan Labuan, Jabatan Pendidikan WP Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan

Pada 26 - 27 November 2022 telah berlangsung Kinik Petanque (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah) Peringkat Labuan 2022 bertempat di gelanggang Petanque Kompleks Sukan Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Sukan Boules W.P Labuan dan penyertaan terdiri dari sekolah-sekolah WP Labuan berumur bawah 12 tahun dan bawah 18 tahun. Program ini bertujuan memberikan pengenalan asas sukan petanque dan mencungkil bakat baharu dalam sukan ini.



## 9. PENGANJURAN BORNEO MARTIAL ARTS EXPO (BMAEX 22)

Tarikh : 9 – 11 Disember 2022  
Tempat : Palm Beach Resort, Labuan  
Penyertaan : Dalam dan luar Labuan  
Tetamu VIP : Dato' Dr. Osman Che Jusoh, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan  
Agensi Terlibat : Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan W.P Labuan

Pada 9-11 Disember 2022 telah berlangsung Borneo Martial Arts Expo (BMAEX 22) bertempat di Palm Beach Resort, Labuan. Program ini dilaksanakan oleh Persatuan Wushu WP Labuan dan penyertaan adalah dari dalam dan luar Labuan serta dari luar negara. Program ini diadakan sebagai pendedahan kepada kejohanan amatur dan mencungkil bakat baharu




dalam sukan ini. Antara acara yang dipertandingkan adalah seni persembahan (solo dan berkumpulan) bersenjata melibatkan beberapa jenis seni mempertahankan diri iaitu Wushu Sanda dan Kick Boxing.





# **10.0**

## **BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN SISTEM MAKLUMAT**



# 10.0

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN DAN ACARA

### 10.1 PENGENALAN

Bahagian Komunikasi Korporat dan Sistem Maklumat (BKKSM) secara umumnya berperanan utama sebagai penyampai maklumat Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) kepada umum serta bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal berkaitan sistem maklumat di pejabat.

Selain itu, BKKSM turut berperanan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej korporat dan perhubungan awam menerusi publisiti yang bersesuaian terutama sekali dalam penganjuran majlis ataupun acara oleh MSWP.

Bahagian ini turut menjalankan tugas-tugas berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melibatkan infrastruktur ICT, Rangkaian, Laman Web dan Sistem Aplikasi, Email serta perolehan berkaitan ICT.

Pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, BKKSM menggalas tugas di dalam Jawatankuasa Media dan Promosi Kontinjen Wilayah Persekutuan dengan beberapa siri temuramah bersama media diadakan serta menjalankan kerjasama strategik bersama Radio KLfm yang menjadi radio rasmi dalam menyalurkan segala maklumat Kontinjen Wilayah Persekutuan pada SUKMA ke-20 itu.

#### Fungsi BKKSM

Mengurus dan bertanggungjawab dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat nasional dan global;

1. Merancang, melaksana aktiviti peningkatan imej korporat dan perhubungan awam;
2. Merancang, menyelaras dan melaksana pelan Komunikasi/ promosi/publisiti program serta pencapaian;
3. Mengurus dan mengendalikan perhubungan dengan pihak media;
4. Menyedia bahan atau maklumat portal MSWP;
5. Memberi khidmat nasihat mengenai program, nota kepada editor/siaran akhbar dan khidmat nasihat kepada media dalam membuat liputan;
6. Mengurus dan mengendalikan taklimat mengenai fungsi dan peranan MSWP;
7. Menyelaras dan mengurusetia persediaan dan pelaksanaan majlis-majlis rasmi MSWP;
8. Merancang, mengurus, melaksana dan memantau semua urusan berkaitan pelanggan dan aduan yang diterima;
9. Merancang, menyelaras dan menerbitkan bahan-bahan penerbitan;
10. Mengendalikan hubungan dan kerjasama dengan organisasi lain dalam meningkatkan imej MSWP;
11. Memberi khidmat perhubungan dan hal ehwal awam;
12. Bertindak sebagai sekretariat media;
13. Menyelaras dan mengurus hal ehwal publisiti untuk program-program yang dijalankan majlis;
14. Merancang dan mengurus program usaha-usaha untuk mendapatkan penajaan dan sumbangan;
15. Menyediakan teks ucapan untuk Majlis-majlis Rasmi; dan
16. Menjadi Urusetia dalam menyediakan Laporan Tahunan MSWP.



## 10.2 KERJASAMA STRATEGIK DAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU)

Tarikh : 10 Mei 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat Senat, Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

MSWP telah menandatangani Perjanjian Kerjasama (MoA) bersama UKM yang diwakili oleh Pusat Sukan UKM. Kerjasama ini diharap dapat meningkatkan, membantu serta merancang pembangunan atlet dengan lebih teratur termasuklah memberi peluang kepada atlet yang berkelayakan dan berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



Tarikh : 1 April 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, PICOMS Batu Muda

MSWP telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (PICOMS) dengan PICOMS menawarkan bantuan pendidikan untuk atlet di bawah MSWP untuk melanjutkan pengajian di PICOMS.



### 10.3 LIPUTAN MEDIA

Secara keseluruhannya 55 laporan berkaitan MSWP diterbitkan di media cetak dan juga media elektronik sepanjang tahun 2022. BKKSM juga ada menerbitkan sebanyak 20 video pendek yang digunakan bagi program dan acara anjuran MSWP.

#### Liputan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia 2022 di Perlis

SUKAN

#### ATHACHAI DINOBATKAN JUARA PIALA MAJLIS SUKAN WP



Adlit Muay Perlis Athachai Kiang (kiri) muncul juara bagi kategori 63-67kg dan Khuzairi Azim Mohd Kamal (kanan) pula juara bagi kategori 45-48kg masing-masing menerima piala Menteri Wilayah Persekutuan pada Karnival Seni Mempertahankan Diri (Muay) sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra hari ini.

201



## Karnival Seni Mempertahankan Diri AKM Perlis tarik perhatian, diteruskan di negeri lain



Athachai Kiang yang meryatai kategori berat 62.5 hingga 67 kilogram bagi acara Muay memerangi Piala Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Oleh MOHAMAD IMAN  
editor@dagangnews.com

**KANGAR 27 Mac** - Karnival Seni Mempertahankan Diri yang julung kali diadakan sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 2022 Perlis mendapat sambutan cukup luar biasa.

Ekoran itu, karnival seni mempertahankan diri itu akan diteruskan di dalam program AKM di negeri-negeri lain selepas ini.

Program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) itu berjaya mengumpul lebih 200 penyertaan membabitkan atlet dari Wilayah Persekutuan, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang melibatkan dua kategori iaitu pencak silat dan muay.

## Liputan Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan



ROSIDA (kiri) menyampaikan pandarhan kepada atlet WiPers, Muhammad Hanif (tengah) yang memenangi pingat emas pada Kejohanan Olahraga 2022 di Abu Dhabi baru-baru ini. Hadir bersama Pengurusan WiPers, Dr. Siti Ramah Azizan.

## WiPers umum insentif hingga RM5,000 buat atlet SUKMA

© Akhir Manir | June 11, 2022 2:30 pm

**KONTINJEN** Wilayah Persekutuan (WiPers) bakal memberi insentif sebanyak RM5,000 bagi atlet yang memenangi pingat emas dalam acara individu serta RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang dijadualkan pada 18 hingga 24 September depan.

Bagi pemenang pingat perak pula, pemenang akan menerima insentif sebanyak RM2,000 bagi acara individu dan RM1,000 hingga RM1,500 bagi acara berpasukan sementara pingat gangsa pula sebanyak RM1,000 bagi sukan individu dan RM500 hingga RM700 bagi acara berpasukan.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan merangkap Ketua Kontinjen WiPers, Datuk Seri Rosida Jaafar, insentif tersebut bagi menyuntik semangat dalam memastikan segala matlamat untuk mencapai jujra menjadi kenyataan.

"Biarup secara dasarnya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meletakkan sasaran pencapaian tiga terbaik, tetapi saya yakin jika ada usaha dan kemauan yang bersungguh-sungguh darpaada anda semua maka kejayaan menduduki kejarian keseluruhan mampu dicapai," ujar beliau ketika menyampaikan amanat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shamsudin Kassim sempena Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022 baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, atlet WiPers adalah antara yang teramai menyumbang pingat buat kontinjen negara pada Sukan SEA di Hanoi yang berlangsung pada bulan lepas.

"Di Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), kita bakal memberikan insentif kepada semua atlet Wilayah Persekutuan sama ada masih berada di dalam program bersama MSWP atau tidak," ujar beliau. -WILAYAHKU

## Lebih 300 atlet bertanding Karnival Seni Mempertahankan Diri Pencak Silat Dan Muay Thai sempena Jelajah AKM

Kategori: Hiburan - Masa Membaca: 2 minit - Jumlah kunjungan: 1338



**KANGAR, 27 Mac** - Hari terakhir Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia dimeriahkan dengan Karnival Seni Mempertahankan Diri Pencak Silat dan Muay Thai yang julung kali dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan penyertaan lebih 300 atlet.

Karnival ini melibatkan empat negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah sebagai salah satu persiapan menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) pada 29 September hingga 8 Oktober ini.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Dan Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Parang Abai @ Thomas, karnival ini melibatkan kerjasama antara Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Majlis Sukan Negeri Perlis.



(Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Dan Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Parang Abai @ Thomas ketika ditemui buat media)

## Liputan Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan



DIAH DAN (kembar kiri) menyampaikan sambutan panitia kepada ahli seiring dengan pelancaran Klas SUKMA yang berlaku di Melaka Selatan, baru-baru ini.

## KLAS 2022 tumpu latihan intensif, WiPers sasar juara SUKMA 2022

© Diana Amri | May 28, 2022 2:00 pm

**KONTINJEN** Wilayah Persekutuan (WiPers) mensasarkan gelaran Juara keseluruhan pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 yang bakal berlangsung pada September depan di Lembar Klang.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata sasaran utama kontinjen tersebut berdasarkan kejayaan WiPers yang menjadi nabi juara pada edisi sebelumnya.

"Apabila memasuki sesuatu pertandingan, kita akan bertanding dengan hebat dan meniti johan. Oleh itu, para atlet akan terlibat dengan Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022 yang bakal diadakan secara tiga fasa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Mei dan Jun ini."

"Jumlah atlet yang akan terlibat adalah seramai 587 orang melibatkan sebanyak 31 acara dan ujian kecergas di samping pelbagai program pengukuhan seperti Team Building, Pengurusan Anti Doping serta Perubatan Sukan."

Dalam majlis itu, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dilantik sebagai Ketua Kontinjen WiPers untuk temasya SUKMA XX MSN 2022.

Turut dilantik tiga Timbalan Ketua Kontinjen iaitu Pengarah Eksekutif (Perancangan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Sulaiman Mohamed; Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat) Perpaduan Putrajaya, Datuk Idris Mak Ujjid dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan, Rithuan Mond Ismail.

Sementara itu, Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Dr Hasnul Faizal Hussin Amri berkata phainnya akan mengadakan satu mesyuarat pada Juiul ini bagi menentukan sasaran pingat serta senarai atlet yang terlibat.

"Mesyuarat ini bagi menyakat semula kategori yang dipertandingkan kerana pada mesyuarat terdahulu, terdapat beberapa jenis sukan tidak dipertandingkan berikutan tiada pembabitan negeri lain."

"Bulan Mei dan Jun ini ialah tempoh kritis buat para atlet kerana ketika itu mereka akan dinilai dan yang berpotensi akan dipilih bagi mematuhi Wilayah Persekutuan mencapai sasaran sebagai juara keseluruhan," ujarnya. -WILAYAHKU



**SUKAN**

## WIPERS SASAR RANGKUL JUARA KESELURUHAN SUKMA 2022



Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua, kanan) menyampaikan Watikah Pelantikan Pengurus Sukma XX MSN 2022 di Menara Seri Wilayah hari ini. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Seri Rosida Jeafar (dua, kiri) dan Pengarah MSN Wilayah Persekutuan Dr Hasnul Faizal Hushin Amri (kanan).



SHAHIDAN Kassim menyampaikan Watikah Pelantikan Pengurus Sukma XX MSN 2022 di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya baru-baru ini. - UTusan/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR | 21 Mei 2022, 6:53 pm



PUTRAJAYA: Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) meletakkan sasaran untuk muncul juara keseluruhan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX Majlis Sukan Negara (MSN) 2022, September ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, WiPers mempertaruhkan 587 atlet untuk bertanding dalam 31 jenis sukan yang dipertandingkan.

"Apabila kita masuk sesuatu pertandingan, kita mahu menjadi johan dan melihat penampilan atlet serta pengurusan WiPers, sudah pasti untuk menjuarai semua kategori tidak menjadi masalah."

"Buat masa ini, kita ada 587 atlet melibatkan 31 acara dan kita akan melakukan penyusunan atlet bagi membolehkan apa yang disasarkan tercapai," katanya, hari ini.

## Liputan SUKMA XX MSN 2022

### WiPers bakar semangat atlet

Oleh Helm TALKAH - Jun 7, 2022 @ 3:09pm  
helmtalkah@bh.com.my



Rosida beramah mesra bersama atlet pada majlis penyampaian amanat Kem Latihan Atlet WiPers SUKMA di Bangi.

BANGI: Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) mengumumkan insentif sebanyak RM5,000 buat atlet yang memenangi pingat emas dalam sukan individu dan RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan pada Sukan Malaysia (SUKMA) yang dijadual berlangsung bermula 16 hingga 24 September depan.

Bagi pemenang pingat perak pula, atlet akan menerima insentif sebanyak RM2,000 bagi acara individu dan RM1,000 hingga RM1,500 bagi berpasukan manakala bagi pingat gangsa, pemenang akan menerima RM1,000 bagi sukan individu dan RM500 hingga RM700 bagi acara berpasukan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Seri Shahidan Kassim, berkata beliau berharap pengumuman insentif berkenaan dapat meningkatkan lagi semangat kontinjen dalam misi untuk bergelar juara keseluruhan pada temasya kali ini.

"Menerusi insentif ini, saya mengharapkan supaya kesemua atlet dan jurulatih WiPers lebih bersemangat dalam memastikan segala matlamat untuk muncul juara menjadi kenyataan."

"Selepas muncul naib juara pada temasya yang lepas di Perak, saya mengharapkan tiada lain iaitu kontinjen WiPers dapat memperbaiki pencapaian iaitu muncul juara keseluruhan pada temasya kali ini."

"Biar pun secara dasarnya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan meletakkan sasaran pencapaian tiga terbaik, tetapi saya yakin jika ada usaha dan kemauan yang bersungguh-sungguh daripada anda semua maka kejayaan menduduki kejuruan keseluruhan mampu dicapai," katanya pada majlis penyampaian amanat Kem Latihan Atlet WiPers SUKMA (KLAS) 2022 di sini, hari ini.

9/7/22, 1:55 PM | Wilayah Persekutuan sasar 70 emas di SUKMA 2022 | Wilayah Ku

Home > UTAMA



SHAHIDAN (kanan) ketika Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan Ke SUKMA XX MSN 2022.

## Wilayah Persekutuan sasar 70 emas di SUKMA 2022

• Sabrina Sabre | September 6, 2022 6:44 pm

KONTINJEN Wilayah Persekutuan (WP) meletakkan sasaran 70 pingat emas selain muncul sebagai juara pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-20 yang dijadual berlangsung di ibu negara bermula 16 September ini.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, sasaran itu cuba dicapai menerusi penyertaan dalam 33 acara yang cabarannya akan digalas oleh 603 atlet.

<https://www.wilayahku.com.my/wilayah-persekutuan-sasar-70-emas-di-sukma-2022/#more>

**203**



## Habuan lumayan tunggu atlet WiPers

BERNAMA



SHAHIDAN bersama para atlet Sukma Wilayah Persekutuan di Kementerian Wilayah Persekutuan hari ini. FOTO Bernama

Putrajaya: Kontinjen Wilayah Persekutuan menyasarkan kutipan 70 pingat emas dalam misi merampas gelaran juara keseluruhan daripada Terengganu pada Sukan Malaysia (Sukma) ke-20 MSN 2022 yang akan berlangsung di sekitar Lembah Klang pada 16-24 Sept ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, sasaran berkenaan diletakkan berdasarkan prestasi semasa para atlet kontinjen yang diberi jolokan WiPers itu.

"Kami yakin dengan latihan yang dibuat kami boleh meraih 70 emas itu. WiPers sewajarnya jadi juara sebab kami tuan rumah Sukma dan bertanding dalam semua acara.

"Kita berlawan dan berlatih di sini, kita patut menang," katanya kepada pemberita pada majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukma 2022 Kuala Lumpur di Menara Seri Wilayah di sini hari ini.

ADVERTISEMENT

## Sukma: Wilayah Persekutuan sasar juara, kutip 70 pingat emas

By Mohammad Arif Nizam - 6 September 2022



Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim ketika menerima penyerahan bendera Wilayah Persekutuan dari kontinjen atlet renang, Steve Khiew Yean pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan Sukma XX MSN 2022 di Menara Seri Wilayah, Putrajaya. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 06 SEPTEMBER 2022.

PUTRAJAYA – Kontinjen Wilayah Persekutuan meletakkan sasaran 70 pingat emas pada Sukan Malaysia (Sukma) Ke-20 MSN 2022 bagi memastikan gelaran juara keseluruhan berada di genggaman.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, sasaran itu berdasarkan prestasi semasa atlet-atlet ketika ini.

## WiPers sasar 70 pingat emas dalam misi buru juara Sukma

Bernama  
September 7, 2022 06:15 MYT



Para atlet Sukma Wilayah Persekutuan bersama maskot Arka dan Listrik semasa majlis penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke Sukma ke-20 MSN 2022 di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya, 6 Sept 2022. - fotoBERNAMA

PUTRAJAYA: Kontinjen Wilayah Persekutuan menyasarkan kutipan 70 pingat emas dalam misi merampas gelaran juara keseluruhan daripada Terengganu pada Sukan Malaysia (Sukma) ke-20 MSN 2022 yang akan berlangsung di sekitar Lembah Klang pada 16-24 Sept ini.

<https://www.astroawani.com/berita-sukan/wipers-sasar-70-pingat-emas-dalam-misi-buru-juara-sukma>

## WiPers sasar 70 emas, juara keseluruhan SUKMA ke-20

September 6, 2022 @ 9:17pm



Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan bersama maskot Arka dan Listrik ketika majlis penyerahan bendera kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA ke-20 MSN 2022 di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya hari ini. - Foto BERNAMA.

PUTRAJAYA: Kontinjen Wilayah Persekutuan menyasarkan 70 pingat emas dalam misi merampas gelaran juara keseluruhan daripada Terengganu pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 MSN 2022 di Lembah Klang pada 16 hingga 24 September ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, sasaran berkenaan diletakkan berdasarkan prestasi semasa para atlet kontinjen yang diberi jolokan WiPers itu.

"Kami yakin dengan latihan yang dibuat kami boleh meraih 70 emas itu. WiPers sewajarnya jadi juara sebab kami tuan rumah SUKMA dan bertanding dalam semua acara.

"Kita berlawan dan berlatih di sini, kita patut menang," katanya selepas majlis penyerahan bendera kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA 2022 di Menara Seri Wilayah di sini hari ini.



## 10.4 PENERBITAN DALAMAN

Seperti tahun sebelumnya, Laporan Tahunan 2021 diterbitkan BKKSM bagi dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan dibentangkan di Parlimen.



## 10.5 SISTEM MAKLUMAT

### 10.5.1 PENGENALAN

Sistem Maklumat berperanan dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan ICT seperti berikut:

#### 1. Keselamatan Rangkaian ICT

Memantau, memperkuuh dan mempertingkatkan keselamatan ICT bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan di MSWP;

#### 2. Laman Web

Memastikan laman web sentiasa beroperasi dengan baik dan mampu menyalurkan maklumat-maklumat terkini mengenai MSWP setiap hari serta melaksanakan pengukuhan dan penyelenggaraan keselamatan laman web MSWP;

#### 3. Sistem Aplikasi

Memastikan sistem aplikasi dikemaskini dan dapat beroperasi

dengan baik tanpa masalah yang kritikal;

#### 4. E-mel

Bertanggungjawab menguruskan akaun e-mel rasmi MyGovuc untuk semua kakitangan MSWP;

#### 5. Perolehan ICT

Membantu dalam merancang, menyelaras dan melaksana perolehan ICT di MSWP;

#### 6. Khidmat sokongan

Menyediakan kemudahan sokongan teknikal dan bantuan khidmat nasihat berhubung perlaksanaan ICT di MSWP.

### 10.5.2 AKTIVITI

Pada tahun 2022 selain memperbaharui lesen bagi firewall MSWP dan perisian multimedia setiap tahun, Sistem Maklumat juga melaksanakan beberapa aktiviti dan perolehan baru antaranya seperti berikut:



## 1. PENYELENGGARAAN LAMAN WEB BARU MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Halaman Utama Laman Web MSWP

Laman Web merupakan tempat rujukan utama dan melambangkan imej bagi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Menyedari kepentingan ini, penyelenggaraan setiap tahun dilaksanakan bagi memastikan Laman Web MSWP sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan mengandungi kandungan, fungsi keselamatan dan perisian yang terkini.

## 2. MIGRASI PERKAKASAN RANGKAIAN BAGI PERKHIDMATAN RANGKAIAN BERWAYAR KAMPUS PUTRAJAYA (PCN) MANAGED SERVICES (MS) DI MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Proses migrasi di *firewall* MSWP

MAMPU dengan kerjasama GITN Sdn Bhd telah melaksanakan migrasi **perkakasan rangkaian bagi perkhidmatan rangkaian berwayar Kampus Putrajaya (PCN) Managed Services (MS)** untuk MSWP pada 11 Mac 2022 (Jumaat) bermula jam 8.00 malam sehingga 12 Mac 2023 jam 4.00 pagi. Seramai 15 orang wakil dari MAMPU dan GITN telah terlibat sama dengan proses migrasi yang dilaksanakan di MSWP. Empat orang wakil MSWP dari BKKSM, BKP dan BPT turut sama semasa proses migrasi di MSWP. Pelaksanaan ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dari penukaran setting *Enable 802.1X* pada semua komputer windows dan IMAC, penukaran rules baru pada *Firewall* sehingga ke pengujian selepas selesai semua migrasi.

Selepas migrasi PPTM MSWP dan wakil GITN Sdn Bhd telah sama-sama melaksanakan pengujian ke atas semua perkakasan ICT termasuk sistem-sistem yang digunakan di MSWP bagi memastikan semua berkakasan ICT yang menggunakan rangkaian PCN berfungsi dan boleh akses ke internet.

## 3. PEROLEHAN KOMPUTER RIBA DAN MESIN PENCETAK UNTUK KEGUNAAN MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN




Berikutan peralihan negara kepada fasa endemik, kebanyakan bengkel-bengkel dan kursus-kursus telah kembali dijalankan secara perjumpaan fizikal. Situasi ini telah menjadikan permintaan yang tinggi terhadap komputer riba dan mesin pencetak yang sedia ada untuk digunakan dalam mesyuarat, kursus, bengkel dan program-program luar anjuran MSWP. Perolehan ini dibuat bagi menambah bilangan komputer riba sedia ada yang tidak dapat digunakan secara optimum dan berkesan.

**4. PERKHIDMATAN SEWAAN TIGA PULUH DUA (32) UNIT KOMPUTER DESKTOP DAN SATU (1) UNIT MESIN PENCETAK *HEAVY DUTY* BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN UNTUK MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**



Pada tahun 2022, MSWP telah melaksanakan perkhidmatan sewaan tiga puluh dua (32) unit komputer desktop dan satu (1) unit mesin pencetak *heavy duty* bagi tempoh tiga tahun. Sewaan ini bagi menggantikan sewaan lama yang telah tamat tempoh sewaannya pada tahun 2022. Terdapat pertambahan sebanyak dua (2) unit komputer desktop berbanding tahun sebelum ini berikutan kekurangan komputer desktop bagi kegunaan kakitangan MSWP. Sebanyak empat (4) unit komputer desktop berspesifikasi tinggi diperlukan dalam sewaan baru untuk kerja-kerja Multimedia seperti penghasilan grafik dan video secara dalaman. Manakala sebanyak dua puluh lapan (28) unit komputer desktop berspesifikasi biasa untuk kegunaan kakitangan yang lain.







# **11.0**

# **PENYATA**

# **KEWANGAN**

# **2022**





## 11.0

### PENYATA KEWANGAN 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

211





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [Akta 29] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.





#### *Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

#### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [Akta 29] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.





Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Sukan Wilayah Persekutuan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.





Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berdasarkan keperluan Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [Akta 29] serta Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
6 NOVEMBER 2023





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PENGERUSI DAN AHLI MAJLIS

Kami, **Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar** dan **Datuk Nasir Bin Ali**, yang merupakan Timbalan Pengerusi I dan Ahli Majlis, **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2022 serta hasil kendalian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Majlis,

DATUK SERI HAJAH ROSIDA  
BINTI JAAFAR  
Timbalan Pengerusi I  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

DATUK NASIR BIN ALI  
Ahli Majlis  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Putrajaya  
Tarikh :  
**28 JUN 2023**





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)


### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Saya, **HARLINA BINTI JAMIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dengan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh  
penama di atas **HARLINA BINTI JAMIL**

di Putrajaya  
Pada **28 JUN 2023**

Di hadapan saya,





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Simpanan Tetap	10	<b>14,500,000</b>	19,500,000
Tunai dan Kesetaraan Tunai	11	<b>2,096,375</b>	1,041,690
Pelbagai Penghutang dan Deposit	12	<b>6,000</b>	8,190
Akruan Faedah Simpanan Tetap	13	<b>143,040</b>	136,810
Pinjaman Komputer	14	<b>5,000</b>	4,375
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b><u>16,750,415</u></b>	<u>20,691,065</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	<b>7,524,850</b>	772,597
Aset Tak Ketara	9	<b>136,924</b>	80,645
Pinjaman Komputer	14	<b>9,375</b>	12,031
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b><u>7,671,149</u></b>	<u>865,273</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>24,421,564</u></b>	<u>21,556,338</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Ganjaran Pekerja	15	<b>17,815</b>	16,654
Pelbagai Akruan	16	<b>88,976</b>	152,766
Geran Tertunda	17	<b>699,893</b>	322,127
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b><u>806,684</u></b>	<u>491,547</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Ganjaran Pekerja	15	<b>218,384</b>	201,609
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b><u>218,384</u></b>	<u>201,609</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b><u>1,025,068</u></b>	<u>693,156</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
		<b><u>23,396,496</u></b>	<u>20,863,182</u>
<b>EKUITI</b>			
Kumpulan Wang Majlis		<b><u>23,396,496</u></b>	<u>20,863,182</u>
<b>JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI</b>		<b><u>23,396,496</u></b>	<u>20,863,182</u>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>HASIL</b>			
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran</b>			
Peruntukan Daripada Kerajaan	18	<b>12,814,092</b>	13,598,935
		<b>12,814,092</b>	13,598,935
<b>Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran</b>			
Faedah Atas Simpanan Tetap		<b>364,493</b>	350,329
Pendapatan Pelbagai	19	<b>54,502</b>	41,118
Keuntungan Atas Jualan Aset	19	<b>2,393</b>	-
Terimaan Pelbagai daripada Tanah	19	<b>6,983,600</b>	-
		<b>7,404,988</b>	391,447
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>20,219,080</b>	13,990,382
<b>PERBELANJAAN</b>			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	20	<b>1,624,718</b>	1,560,417
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		<b>197,324</b>	60,003
Pengangkutan Barang-Barang		<b>1,042</b>	4,798
Perhubungan dan Utiliti		<b>33,899</b>	35,844
Sewaan		<b>269,323</b>	115,531
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman		<b>2,864</b>	1,690
Bahan-Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan		<b>96,069</b>	22,825
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		<b>94,015</b>	205,741
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		<b>113,099</b>	98,216
Perkhidmatan Ikhtisas		<b>7,119,019</b>	3,830,306
Perkhidmatan Ikhtisas – Bayaran Kakitangan Tidak Tetap		<b>707,283</b>	637,803
Pemberian Dalam Negeri		<b>7,122,604</b>	4,035,430
Perbelanjaan Lain	21	<b>525</b>	110
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	8	<b>272,278</b>	146,369
Pelunasan Aset Tak Ketara	9	<b>31,704</b>	87,317
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>17,685,766</b>	10,842,400
<b>LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN</b>		<b>2,533,314</b>	3,147,982

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUTI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

		Kumpulan Wang Amanah	Rizab Modal	Aset Kewangan Sedia Dijual	Kepentingan Minoriti	Jumlah Bersih
		RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2021	17,715,200	-	-	-	-	17,715,200
Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	-	-	-	-	-
Perubahan dalam dasar perakaunan	-	-	-	-	-	-
Pelarasan akaun ekuiti	17,715,200	-	-	-	-	17,715,200
<b>Seperti dinyatakan semula</b>						
Lebihan/(Kurangan) Tahun lepas	3,147,982	-	-	-	-	3,147,982
Jumlah Hasil dan Belanja 31 Disember 2021	20,863,182	-	-	-	-	20,863,182
Baki pada 1 Januari 2022	20,863,182	-	-	-	-	20,863,182
Lebihan/(Kurangan) semasa	2,533,314	-	-	-	-	2,533,314
Pada 31 Disember 2022	23,396,496	-	-	-	-	23,396,496
<b>Baki seperti pada 31 Disember 2022</b>	<b>23,396,496</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>23,396,496</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	2022 RM	2021 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan/Kurangan pendapatan tahun semasa	2,533,314	3,147,983
<b>Pelarasan bagi:</b>		
Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	272,279	146,368
Pelunasan Aset Tak Ketara	31,704	87,318
Faedah atas Simpanan Tetap	(364,493)	(350,329)
Peruntukan Ganjaran Pekerja	38,723	35,860
Belanja Pelunasan Geran Tertunda	2,823,767	3,025,163
Pelunasan Geran Tertunda	(2,823,767)	(3,025,163)
Keuntungan Atas Jualan Aset	2,393	-
Pinjaman Komputer	(626)	(4,375)
<b>Kurangan daripada Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>2,513,293</b>	<b>3,062,825</b>
<b>Perubahan Dalam Modal Kerja:-</b>		
Pengurangan Pelbagai Penghutang	2,190	-
Pertambahan Pendahuluan Diri dan Pelbagai	-	-
Pinjaman Komputer	2,657	(12,031)
Pengurangan Perbelanjaan Akruan	(63,790)	(146,007)
<b>Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>	<b>2,454,350</b>	<b>2,904,787</b>
Bayaran Ganjaran Pekerja	(20,788)	(19,545)
<b>Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Operasi</b>	<b>2,433,562</b>	<b>2,885,242</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(7,112,513)	(389,108)
Keuntungan Atas Jualan Aset	(2,393)	-
Faedah Pelaburan Diterima	358,263	276,322
<b>Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(6,756,643)</b>	<b>(112,786)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Terimaan Geran Tertunda	3,201,533	3,347,290
Pembayaran Geran Tertunda	(2,823,767)	(3,025,163)
<b>Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>377,766</b>	<b>322,127</b>
<b>Pengurangan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>(3,945,314)</b>	<b>3,094,583</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>	<b>20,541,690</b>	<b>17,447,107</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>16,596,376</b>	<b>20,541,690</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember 2022</b>		
<b>Wang tunai, baki di bank dan Simpanan Tetap</b>	<b>16,596,376</b>	<b>20,541,690</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Jumlah Bajet				
	Asal RM	Akhir RM	Jumlah Sebenar RM	Perbezaan Sebenar RM	Peratus
<b>HASIL</b>					
Geran Diterima – Mengurus	9,796,325	9,796,325	9,796,325	-	100.00
Pemberian Kerajaan (selain geran)	-	3,017,767	3,017,767	-	100.00
Lain-lain Hasil	-	-	421,387	-	(100.00)
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>9,796,325</b>	<b>12,814,092</b>	<b>13,235,479</b>	-	<b>100.00</b>
<b>BELANJA</b>					
Gaji Upah dan Pekerja	1,105,300	1,105,300	1,024,258	81,042	92.67
Imbuhan Tetap Kakitangan Awam	309,000	309,000	294,154	14,846	95.20
Sumbangan Berkanun	194,000	184,000	173,938	10,062	94.53
Elaun Lebih Masa	75,600	75,600	71,617	3,983	94.73
Faedah -Faedah Kewangan Lain	37,200	47,200	43,976	3,224	93.17
<b>Jumlah Emolumen</b>	<b>1,721,100</b>	<b>1,721,100</b>	<b>1,607,943</b>	<b>113,157</b>	<b>93.43</b>
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	220,000	200,000	197,324	2,676	98.66
Pengangkutan Barang - Barang	2,000	2,000	1,042	958	52.10
Perhubungan dan Utiliti	52,200	34,200	33,899	301	99.12
Sewaan	666,827	205,827	269,323	(63,496)	130.85
Makan dan Minum	6,000	6,000	2,864	3,136	47.73
Bekalan Bahan Mentah, Alat Ganti	65,000	48,000	96,069	(48,069)	200.14
Bekalan dan Bahan -Bahan Lain	87,804	97,804	94,015	3,789	96.13
Penyelenggaraan , Pembaikan kecil Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	493,000	114,000	113,099	901	99.21
<b>Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan</b>	<b>4,723,891</b>	<b>5,036,565</b>	<b>7,804,354</b>	<b>(2,767,789)</b>	<b>154.95</b>
<b>Harta Modal</b>	<b>125,000</b>	<b>128,926</b>	<b>128,926</b>	-	<b>100.00</b>
<b>Pinjaman Komputer</b>	-	-	<b>5,000</b>	<b>(5,000)</b>	-
Pemberian Dalam Negeri	1,612,803	5,198,970	7,122,604	(1,923,634)	137.00
Ganjaran Kakitangan	20,100	20,100	38,723	(18,623)	192.65
<b>Jumlah Pemberian dan Kenaan Tetap</b>	<b>1,632,903</b>	<b>5,219,070</b>	<b>7,161,327</b>	<b>(1,942,257)</b>	<b>121.29</b>
<b>Bayaran -Bayaran Lain</b>	<b>600</b>	<b>600</b>	<b>525</b>	<b>75</b>	<b>87.50</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>9,796,325</b>	<b>12,814,092</b>	<b>17,515,710</b>	<b>(4,701,618)</b>	<b>136.69</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

1. Bajet Asal merupakan bajet awal tahun termasuk tanggungan yang diluluskan oleh Ahli Majlis, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan bagi satu tempoh bajet.
2. Bajet Akhir merupakan bajet asal mengambil kira semua tambahan/kurangan peruntukan serta pindah peruntukan bagi satu tempoh bajet untuk menampung keperluan perbelanjaan.
3. Amaun Sebenar merupakan perbelanjaan dari tanggungan yang terhasil bagi satu tempoh bajet.
4. Varian Bajet merupakan perbezaan antara bajet akhir dan amaun sebenar bagi satu tempoh bajet.
5. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus iaitu pemberian kerajaan dan sumber dalaman (rizab).





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### 1. PENGENALAN

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). MSWP diwujudkan di bawah Akta 29, Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [P.U.(A) 89/2006] – Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) 2006 yang bertarikh 9 Mac 2006.

MSWP merupakan badan induk bagi pembangunan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. MSWP terdiri dari tiga bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Sukan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pusat Latihan MSWP.

MSWP memperoleh peruntukan daripada KWP untuk membiayai perbelanjaan MSWP. Peruntukan diberi berdasarkan belanjawan yang dihantar oleh MSWP kepada Perbadanan Malaysia.

#### 2. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama MSWP adalah :-

- i. Pelaksanaan program pembangunan sukan, latihan, penganjuran kejohanan/kursus/ seminar.
- ii. Penyertaan dalam kejohanan tempatan dan antarabangsa.
- iii. Urus setia Kontinjen Wilayah Persekutuan dalam Sukan Malaysia.

#### 3. TARIKH KELULUSAN PENERBITAN

Penyata kewangan MSWP bagi tahun berakhir 2022 telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Ahli Majlis pada **28 Jun 2023**.

#### 4. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

##### 4.1 Peralihan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Penyata Kewangan MSWP telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan serta Pekeliling Perbadanaan yang berkaitan. Pemakaian MPSAS di MSWP merupakan yang pertama disediakan pada tahun 2020. Bagi tahun –tahun kewangan sebelumnya, MSWP menerima pakai Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) bagi rangka kerja pelaporan.

##### 4.2 Perubahan dalam dasar perakaunan

Penggunaan MPSAS berkuat kuasa tahun 2020 tidak memberi kesan kepada dasar perakaunan MSWP.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

#### 4.3 Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Pada kebiasaananya, pihak pengurusan menggunakan anggaran dan pertimbangan dalam mengukur sesetengah jumlah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan yang dibentangkan. Memandangkan anggaran dan pertimbangan digunakan maka terdapat kebarangkalian nilai yang sebenar tidak sama dengan jumlah yang dilaporkan. Penyediaan Penyata Kewangan MSWP untuk tahun semasa tidak melibatkan penggunaan anggaran dan pertimbangan yang ketara oleh pihak pengurusan.

#### 5. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurangan risiko kewangan MSWP bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

##### a) Risiko kadar faedah

Pihak MSWP membiayai operasi-operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah daripada pinjaman bank.

##### b) Risiko pasaran

Pihak MSWP tidak melabur di dalam saham sebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

##### c) Risiko Kredit

Pihak MSWP tidak berurus niaga secara kredit dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

##### d) Risiko mudah tunai

Pihak MSWP mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

#### 6. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

##### i. Asas perakaunan

Penyata kewangan MSWP telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan MPSAS yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

##### ii. Ringkasan dasar perakaunan penting

MSWP telah menerima pakai piawaian yang telah ditetapkan didalam MPSAS





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

seperti berikut:

#### **MPSAS**

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 24	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	Penjejasan Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	Instrumen Kewangan : Pembentangan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan : Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

iii. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Susut nilai diperuntukkan atas kos setiap aset secara pro-rata bermula bulan pembelian. Nilai bawaan bagi hartanah, loji dan peralatan dinilai semula pada tarikh rosot nilai. Seterusnya susut nilai diperuntukkan dengan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan seperti berikut:-

Pengubahsuaian	5 tahun
Kenderaan	5 tahun
Peralatan Pejabat	5 tahun
Peralatan Gimnasium	5 tahun
Komputer	5 tahun
Tanah	99 tahun

Pembelian harta modal yang bernilai melebihi RM2,000.00 akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang telah penuh disusut nilai masih ditunjukkan pada nilai buku bersih RM1.00 setiap satu.

iv. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diperoleh pada awalnya diiktiraf pada kos. Selanjutnya, ia diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Ia dilunaskan dengan memperuntukkan jumlah aset yang boleh dielakkan sepanjang anggaran hayat iaitu selama 5 tahun menggunakan kaedah garis lurus.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

v. Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atau pelupusan, jika ada, dengan nilai aset berkenaan adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

vi. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan baki di dalam bank dan simpanan tetap dengan institusi kewangan yang sedia ditukar kepada tunai tanpa risiko penukaran nilai yang penting.

vii. Pengurangan nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperolehi semula merupakan amaun yang lebih tinggi antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang diukur berdasarkan aliran tunai yang dijangka akan didiskaukan. Amaun yang boleh diperolehi semula dijangka untuk aset individu atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada penyata pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperolehi semula bagi aset yang diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini.

Pembalikan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

viii. Peruntukan

Peruntukan dibuat bila pihak MSWP mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber perlu dibuat untuk menjelaskan obligasi dan bila anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut.

ix. Pengiktirafan pendapatan lain

Pendapatan lain seperti sumbangan diiktiraf apabila diterima.

x. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran mengurus diukur pada nilai saksama aset yang diterima dan





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

diiktiraf dalam pendapatan apabila geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran tertunda diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi. Geran tertunda merupakan peruntukan kewangan yang diterima daripada KWP dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

x. Manfaat pekerja

a. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji dan imbuhan tahunan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja.

b. Sumbangan Berkanun

Sumbangan berkanun diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja.

c. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk kakitangan tetap dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diguna pakai oleh MSWP.

xii. Penghutang dan Pelbagai Hutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang telah dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang rugu bagi penghutang kakitangan dibuat berdasarkan kepada status penghutang tidak aktif. Hutang lapuk dihapuskan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Pengurusan Majlis.

xiii. Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang dikanunkan atau dikanunkan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka akan dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara cukai terkecuali yang berhasil daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang mana pada masa transaksi tersebut, tidak akan meninggalkan kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

Mengikut kuasa di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan MSWP di peringkat statutori mulai tahun taksiran 2006 sehingga tahun taksiran 2022.

#### 7. INSTRUMEN KEWANGAN

##### i. Aset Kewangan

MSWP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan kos pelunasan.

###### a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori aset kewangan iaitu dalam aset kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, penghutang, simpanan tetap dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

MSWP mengkategorikan aset kewangan seperti berikut:

###### Penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai penghutang.

Penghutang pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, penghutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Hasil dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila penghutang dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

Penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan daripada tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

#### Pinjaman

Pinjaman adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran secara tetap atau boleh ditentukan yang tiada dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan dijangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa.

#### b. Rosot Nilai Aset Kewangan

MSWP menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal.

#### c. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhan, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### ii. Liabiliti kewangan

MSWP mengklasifikasikan liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

#### a. Pengkelasan dan Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu dalam liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian dan pemutang.

MSWP mengkategorikan liabiliti kewangan seperti berikut:

#### Pemutang

Selepas pengiktirafan awal, pemutang diukur daripada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pemutang dinyah iktiraf atau rosot nilai.

- b. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dinyah iktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pengiktirafan.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBIR 2022 (SAMBUNGAN)

#### 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KOS	Pengubah-suaian	Kenderaan	Peralatan Pejabat	Peralatan Gimnasium	Komputer	Tanah* (Pajakam)	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2022	2,872,586	1,524,285	300,258	490,291	204,339	-	5,391,759
Penambahan	-	-	9,152	-	31,794	6,983,600	7,024,546
Pelupusan	-	-	(6,006)	-	(38,297)	-	(44,303)
Pada 31 Disember 2022	<u>2,872,586</u>	<u>1,524,285</u>	<u>303,404</u>	<u>490,291</u>	<u>197,836</u>	<u>6,983,600</u>	<u>12,372,002</u>
<hr/>							
SUSUT NILAI TERKUMPUL							
Pada 1 Januari 2022	2,872,583	1,246,680	230,738	92,185	176,976	-	4,619,162
Susut Nilai Semasa	-	70,876	20,245	98,048	12,568	70,541	272,278
Pelupusan Tahun Semasa	-	-	(6,002)	-	(38,286)	-	(44,288)
Pada 31 Disember 2022	<u>2,872,583</u>	<u>1,317,556</u>	<u>244,981</u>	<u>190,233</u>	<u>151,258</u>	<u>70,541</u>	<u>4,847,152</u>
<hr/>							
NILAI BAWAAN							
Pada 31 Disember 2022	<u>3</u>	<u>206,729</u>	<u>58,423</u>	<u>300,058</u>	<u>46,578</u>	<u>6,913,059</u>	<u>7,524,850</u>
Pada 31 Disember 2021	<u>3</u>	<u>277,605</u>	<u>69,520</u>	<u>398,106</u>	<u>27,363</u>	<u>-</u>	<u>772,597</u>

\* Nota : Tanah di Setapak PT 50196 keluasan 2686 meter persegi merupakan pajakan selama tempoh 99 tahun mulai 6 Januari 2022 hingga 5 Januari 2121.  
Tanah tersebut telah didaftarkan atas nama MSWP dengan bayaran cukai tahunan berjumlah RM100.



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

#### 9. ASET TAK KETARA

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	572,810	504,263
Penambahan	87,981	68,547
Pada 31 Disember	<u>660,791</u>	<u>572,810</u>
<b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	492,165	404,848
Pelunasan Semasa	31,702	87,317
Pada 31 Disember	<u>523,867</u>	<u>492,165</u>
<b>Nilai Bawaan</b>	<u>136,924</u>	<u>80,645</u>

#### 10. SIMPANAN TETAP

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
KFH – 001112390187 – Matang 09/03/2022	-	3,000,000
KFH – 001112393224 – Matang 28/04/2022	-	2,000,000
KFH – 001112405125 – Matang 21/07/2022	-	9,000,000
Bank Rakyat - 33-00643679-0011 – Matang 24/11/2022	-	2,500,000
Bank Rakyat - 33-00643679-0012 – Matang 31/03/2022	-	3,000,000
KFH – 001112423077 – Matang 21/07/2023	9,000,000	-
KFH – 001112429954 – Matang 28/04/2023	2,000,000	-
KFH – 001112431738 – Matang 25/05/2023	<u>3,500,000</u>	<u>-</u>
	<u>14,500,000</u>	<u>19,500,000</u>

Faedah diterima :

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Bank Rakyat – F1373817 – Matang 09/03/2021	-	14,877
Bank Rakyat – 33-00643679-0009 – Matang 27/04/2021	-	19,945
Bank Rakyat – 33-00643679-0006 – Matang 13/10/2021	-	63,000
Bank Rakyat – 33-00643679-0007 – Matang 15/10/2021	-	21,000
Bank Rakyat – 33-00643679-0008 – Matang 15/10/2021	-	105,000
Bank Rakyat – 33-00643679-0010 – Matang 24/11/2021	-	52,500





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

Bank Rakyat – 33-00643679-0012 – Matang 31/03/2022	<b>14,425</b>	-
KFH – 001112390187 – Matang 09/03/2022	<b>72,000</b>	-
KFH – 001112393224 – Matang 28/04/2022	<b>47,000</b>	-
KFH – 001112414329 – Matang 09/06/2022	<b>15,879</b>	-
KFH – '001112405125 – Matang 21/07/2022	<b>151,459</b>	-
Bank Rakyat – 33-00643679-0011 – Matang 24/11/2022	<b>57,500</b>	-
	<hr/> <b>358,263</b>	<hr/> <b>276,322</b>

### 11. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Panjar Wang Runcit	<b>859</b>	3,000
Affin Bank(Akaun 1)	<b>1,653,976</b>	601,541
Affin Bank(Akaun 2)	<b>441,540</b>	437,149
	<hr/> <b>2,096,375</b>	<hr/> 1,041,690

### 12. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Deposit Sewaan	<hr/> <b>6,000</b>	8,190
	<hr/> <b>6,000</b>	<hr/> 8,190

### 13. AKRUAN FAEDAH SIMPANAN TETAP

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
No Sijil – 001112390187	-	58,784
No Sijil – 001112393224	-	31,934



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

No Sijil – 001112405125	39,945
No Sijil - 33-00643679-0011	5,986
No Sijil - 33-00643679-0012	161
No Sijil – 001112423077	-
No Sijil – 001112429954	117,271
No Sijil – 001112431738	11,932
	13,837
	<hr/>
	143,040
	<hr/>
	136,810

#### 14. PINJAMAN KOMPUTER

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
<b>Aset Semasa</b>		
Pinjaman Komputer – 12 bulan	<u>5,000</u>	4,375
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Pinjaman Komputer – lebih 12 bulan	<u>9,375</u>	12,031
Baki 31 Disember	<u>14,375</u>	16,406

#### 15. GANJARAN PEKERJA

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Baki 1 Januari	201,609	185,622
Pelarasan Tahun Lepas	-	1,623
Peruntukan Tahun Semasa – Jangka Panjang	<u>16,775</u>	14,363
	<u>218,384</u>	201,609





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

Baki 1 Januari	<b>16,654</b>	16,326
Peruntukan Tahun Semasa – Jangka Pendek	17,815	16,654
Bayaran GCR Tahun Semasa	(20,788)	(19,545)
Kurangan Peruntukan Tahun Lepas	4,134	3,219
	<b>236,199</b>	<b>218,263</b>
Baki 31 Disember	<b>17,815</b>	<b>16,654</b>

#### 16. PELBAGAI AKRUAN

	<b>2022</b>	2021
	RM	RM
Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan	1,776	23,471
Pelbagai Elaun/Belanja	87,200	129,295
	<b>88,976</b>	<b>152,766</b>

#### 17. GERAN TERTUNDA

	<b>2022</b>	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	322,127	-
<b>Terimaan Peruntukan :</b>		
Peruntukan Khas YBM (PKWP)	2,671,250	2,500,000
Geran MSN (Bakat Sukan Wilayah)	530,283	525,163
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>3,523,660</b>	3,025,163



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

#### Tolak : Pelunasan Geran Tertunda

	<u>2022</u>	2021
	RM	RM
Peruntukan Khas YBM	2,240,997	2,259,003
Geran MSN (Bakat Sukan Wilayah)	582,770	444,033
<b>Jumlah Pelunasan</b>	<b>2,823,767</b>	2,703,036
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>699,893</b>	<b>322,127</b>

#### 18. PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN

	<u>2022</u>	2021
	RM	RM
Geran Mengurus	9,796,325	10,895,900
Pelunasan Geran Tertunda	322,127	-
Peruntukan Tambahan Program	2,194,000	2,259,003
Peruntukan Bakat Sukan Wilayah	501,640	444,033
<b>12,814,092</b>	<b>13,598,936</b>	

#### 19. SUMBANGAN DAN TERIMAAN LAIN

	<u>2022</u>	2021
	RM	RM
Pendapatan Pelbagai	54,502	41,118
Keuntungan Atas Jualan Harta	2,393	-
Terimaan Pelbagai daripada Tanah	6,983,600	-
<b>7,040,495</b>	<b>41,118</b>	





## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

#### 20. UPAH, GAJI DAN MANFAAT PEKERJA

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Gaji dan Upahan	1,024,258	997,703
Elaun Tetap	294,153	300,420
Elaun Lebih Masa Kakitangan Awam	71,617	36,860
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	43,976	35,747
Sumbangan Berkanun	173,939	173,700
Ganjaran	16,775	15,987
	<u>1,624,718</u>	<u>1,560,417</u>

#### 21. PERBELANJAAN LAIN

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Caj Bank	524	110
Kerugian Jualan Harta	1	-
	<u>525</u>	<u>110</u>

#### 22. PENDEDAHAN PIHKAN BERKAITAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti samaada secara langsung atau tidak langsung, termasuk mana-mana anggota berkenaan. Ganjaran untuk pengurus dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	<u>2022</u> RM	<u>2021</u> RM
Jumlah Ganjaran	20,500	22,500
Jumlah Kakitangan	21	21



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

(Diwartakan pada 9 Mac 2006)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

#### 23. JUMLAH KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada akhir tahun kewangan 2022 adalah seramai 47 orang di mana seramai 27 orang adalah kakitangan tetap dan selebihnya adalah kakitangan kontrak (2021 : 45 orang).

#### 24. KESAN PERALIHAN

Tiada peralihan di dalam perakaunan MSWP daripada MPERS kepada MPSAS.

